

"DI ANTARA cabaran paling mencabar ialah kesediaman kita mengakui kelemahan yang ada, di samping tidak pula lambat untuk membuat pembaikan-pembakaian." - Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-23 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 5 Safar 1428 / 23 Februari 2007.



"SESUNGGUHNYA Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik (memperseketukan-Nya dengan sesuatu) dan Dia akan mengampunkan segala dosa yang lain daripada (syirik) itu bagi se-siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang meperseketukan Allah (dengan suatu yang lain) maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar." - (Surah An Nisa' ayat 48).

Penghasilan produk kampung membolehkan negara menikmati banyak manfaat

# Tingkatkan taraf hidup rakyat

**"DENGAN adanya usaha menghasilkan produk-produk kampung akan membolehkan negara menikmati banyak manfaat, terutama manfaat percaya kepada diri sendiri dan membuang sikap lemah suka bergantung semata-mata kepada bantuan-bantuan."**

Titah

rakyat.

Demikian titah baginda di Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2009, berlangsung di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Terdahulu dari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menjelaskan bahawa pada masa ini baginda turut mengambil maklum mengenai terdapatnya banyak kampung-kampung yang menghasilkan produk-produk di kampung masing-masing, termasuk bidang pertanian dan kraf tangan.

Akan tetapi ianya menurut baginda masih di tahap berskala kecil dan menghadapi constraint tertentu.

Namun baginda percaya ianya adalah merupakan satu langkah murni dalam merasiasikan hasrat kerajaan baginda bagi Projek 'Sebuah Kampung : Satu Produk'.

Lihat muka 24

Oleh :  
Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memberikan keyakinan dengan adanya usaha menghasilkan produk-produk kampung akan membolehkan negara menikmati banyak manfaat, terutama manfaat percaya kepada diri sendiri dan membuang sikap lemah suka bergantung semata-mata kepada bantuan-bantuan.

Di samping menolong diri sendiri, tegas baginda, perubahan sikap seperti itu juga boleh mempercepatkan lagi usaha kerajaan meninggikan taraf hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kagum dengan penghasilan beras tempatan di Pameran Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2009 sambil disembahkan penerangan oleh peserta pameran. - Foto : Masri Osman. ([Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 12 & 13](#)).

## MPMK menjadi penggerak, pemikir dan perancang pembangunan masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) perlu untuk menjadi jentera penggerak, pemikir dan perancang bagi pembangunan masyarakat di kawasan masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan 2009, berlangsung di Dewan Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Baginda bertitah tanpa penglibatan majlis ini yang disertai oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung semua rancangan mungkin saja tidak berkesan, oleh itu titah baginda lagi penglibatan mereka adalah penting.

Menyentuh mengenai AKC, baginda bertitah ianya selaras dengan usaha kerajaan baginda untuk mening-

katkan kemajuan dan kesejahteraan rakyat yang lebih sustainable di negara ini.

"Ia boleh berperanan untuk mewujudkan perubahan dinamik kepada kampung-kampung dalam pelbagai segi, seperti kebersihan, keharmonian dan ketenteraman, serta bukan itu saja, malah juga mampu untuk menjadikan landasan kepada pelbagai perubahan sosioekonomi masyarakat setempat," titah baginda.

Seterusnya baginda bertitah, apa yang negara mahu dari rakyat dan penduduk, khasnya mereka yang memiliki tubuh badan yang sihat, ialah rajin berusaha meningkatkan diri dan kemahiran yang boleh menolong mereka mencari rezeki atau menambahkan pendapatan.

"Sifat ini sangatlah disukai oleh agama, kerana degannya, akan menjadikan seseorang lebih berdikari dan percaya kepada diri sendiri. Sifat itu juga, nisbah kepada masyarakat, akan mengangkat mereka ke tahap masyarakat produktif yang berkualiti," titah baginda.



Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26

6 HARI LAGI

### DI DALAM

Muka Surat 4



PBYLKK menyelaras, menyatakan kawasan luar kawalan di seluruh negara

Muka Surat 8



PELAJARI Al Qur'an tanpa bosan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengurniakan Sijil Ijazah kepada seorang lepasan Kursus Darusyifa' Warrafah (DSR) di Pusat Persidangan, BRIDEX. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman. ([Berita lanjut di muka 24](#)).



Dari Sidang Pengarang

17 FEBRUARI 2010 BERSAMAAN 1431 3

## MENGANGKAT MASYARAKAT PRODUKTIF DAN BERDIKARI

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan keyakinan Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan yang pertama kali diadakan di Negara Brunei Darussalam mampu untuk menjadi lansasan dan platform yang cukup berkesan kepada perubahan sosio ekonomi masyarakat setempat. Tegasnya anugerah tersebut berperanan pada mewujudkan perubahan dinamik dan inovatif kepada kampung-kampung di pelusuk tanah air dalam merangka apa-apa jua kegiatan yang berfaedah dan memberikan manfaat yang cukup besar dan lumayan. Penganugerahan ini juga menurut baginda adalah selaras dengan usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan kemajuan dan perkembangan serta kesejahteraan seluruh lapisan rakyat ke arah lebih 'sustainable' dan berdaya tahan.

Harapan dan keyakinan baginda selayaknya di rebut oleh rakyat dan penduduk negara ini khususnya yang mempunyai badan yang sihat agar rajin berusaha dan meningkatkan diri dengan kemahiran-kemahiran dalam pelbagai bidang. Kita yakin banyak perkara yang boleh dilakukan dan boleh dijadikan mata pencarian asalkan saja kita sanggup dan mempunyai kemauan yang tinggi, kerana tanpa ada kesungguhan dan keterbilangan yang berterusan mana mungkin hasilnya akan dapat kita tuai. Perkara ini mudah dicapai kerana banyak kampung-kampung yang telah berupaya menghasilkan produk-produk yang boleh diketengahkan antaranya termasuklah produk kraf tangan, kuih-muih tempatan dan pelbagai lagi seni ukiran yang budaya kita orang-orang Brunei yang cukup hebat di masa lampau. Maka alangkah baiknya hasil-hasil orang kitani sejak dulu dikembangkan lagi dengan membuat perubahan yang disesuaikan dengan peredaran masa, kerana kita percaya jika misalnya kraf tangan dan ukiran-ukiran diberi nafas baru dengan mengambil kira teknologi-teknologi baru, para pelancong pasti akan terpesona untuk membelinya sebagai buah tangan. Ini setentunya bukan sahaja akan meningkatkan ekonomi anak-anak kampung tetapi dalam waktu yang sama membantu pihak kerajaan ke arah memajukan industri pelancongan yang sedang rancak diusahakan oleh pelbagai agensi dalam kerajaan dan pihak swasta.

Tegasnya kerajinan berusaha dan berdikari tanpa meminta pertolongan atau bantuan daripada sesiapa setentunya yang pasti boleh menolong seseorang itu mencari rezeki yang halal dan secara tidak langsung akan menambahkan pendapatan. Ini selaras dengan titah baginda di Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 13 Februari 2010. Antara lain baginda menekankan:

"Beta percaya dengan adanya usaha ini akan membolehkan kita menikmati banyak manfaat terutama manfaat percaya pada diri sendiri dan membuat sikap lemah suka bergantung semata-mata kepada bantuan-bantuan. Perubahan sikap seperti ini, di samping menolong diri sendiri juga boleh mempercepatkan lagi usaha kerajaan meninggikan taraf hidup rakyat."

Kalau kitani pisi-pisi secara terperinci, inilah sebenarnya hasrat kerajaan mengadakan Anugerah Kampung Cemerlang bukan sahaja untuk mencari juara tetapi yang penting untuk melahirkan budaya kerja yang rajin di kalangan anak-anak kampung. Menggalakkan anak-anak kampung akan lebih tekun dan rajin bekerja mengusahakan tanah-tanah yang terbiar dengan ber-cucuk tanam dan berladang. Menanamkan semangat berdikari dan semangat 'bekarh' dan bukannya semata-mata terus mengharapkan bantuan-bantuan atau sumbangan orang lain. Dalam zaman moden sikap rajin berusaha amatlah disukai oleh agama kerana darinya akan melahirkan seseorang itu menjadi lebih berdikari dan percaya kepada diri sendiri. Kepada masyarakat dan negara pula, nisbahnya tentu pula akan mengangkat mereka ke tingkat masyarakat produktif yang berkualiti. Inilah yang kerajaan mahukan. Inilah yang diinginkan oleh negara dan bangsa Brunei.

Ingatlah peribahasa Melayu "Usaha itu tangga ke-jayaan" dan jadikanlah ianya kamus yang cukup baik dalam menempuh kehidupan harian. Biarlah banyak orang kitani yang bekerja sendiri dan melakukan usaha-usaha pertanian, kerana bila ini tercapai kita akan dapat membasmikan jurang kemiskinan yang ada di negara ini yang jumlah sehingga bulan Oktober mencecah lebih 4,000 orang.

Harapan kita dari anugerah ini, biarlah produk-produk kampung kitani akan meningkat bukan secara kecil-kecil tetapi menjadikan produk tempatan berskala besar yang mendapat pasaran lebih meluas. Kerana ini merupakan langkah murni dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi projek 'Sebuah kampung, satu produk'. Sama-sama kitani mengalammayatakan impian tinggi kerajaan itu agar anugerah ini akan meningkatkan budaya rajin bekerja dan berusaha. - **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**



**UCAPAN** Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud di Majlis Pelancaran Buku 'Energy Management Guide' dan Pembukaan Rasmi Kursus Pengurusan Tenaga pada hari Selasa, 5 Januari 2010 bertempat di Bangunan Ilia, Universiti Brunei Darussalam.

**Bismillahir Rahamanir Rahim**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

**T**ERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Majlis kerana menjemput saya untuk melancarkan buku Panduan Pengurusan Tenaga dan seterusnya merasmikan pembukaan Kursus Pengurusan Tenaga yang saya difahamkan buat pertama kalinya diungkapkan oleh anak Brunei kitani sendiri.

Saya juga menghargai

inisiatif Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Energy Conservation, Japan (ECCJ) dalam menerbitkan buku pertama Panduan Pengurusan Tenaga.

Dengan penerbitan buku panduan ini, saya berharap ianya akan dapat dimanfaatkan dan membantu pengurusan tenaga yang lebih efisien dan mengurangkan pembaziran penggunaan tenaga di sektor kerajaan dan swasta.

Penerbitan buku panduan ini adalah juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

## Bertindaklah jadi pengurus tenaga efisien

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-63, di mana baginda telah menitahkan supaya agensi-agensi kerajaan menggunakan tadbir dasar dan mengemukakan langkah-langkah bagi mencapai matlamat penggunaan tenaga secara efisien dan mengelakkan pembaziran.

Agensi-agensi kerajaan adalah dengan ini diseru untuk mengambil iktibar dari buku panduan ini dan mengambil tindakan segera yang lebih bertanggungjawab untuk menjadi pengurus tenaga yang lebih efisien supaya dapat menjadi contoh kepada pihak swasta dan orang ramai.

Inisiatif gabungan UBD, Institut Teknologi Brunei (ITB), Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR), Jabatan Pendidikan Teknik bersama Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri mengadakan Kursus Pengurusan Tenaga adalah bertepatan untuk membina keupayaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam pengurusan tenaga yang berkesan. Dengan pengetahuan yang diperolehi nanti, ianya akan dapat dipraktikkan di kementerian - kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing.

Saya berharap inisiatif-inisiatif seperti kursus ini akan dapat diperingkatkan dan diteruskan untuk mencapai matlamat-matlamat seperti ber-

ikut:

Pertama, penubuhan kumpulan Pengurus Tenaga disetiap kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya yang akan menjadi agen perubahan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif penjimat tenaga dan pengurusan tenaga yang lebih efisien;

Kedua, meneruskan dan meningkatkan kandungan kursus ke arah penubuhan skim pengiktirafan bagi pengurus-pengurus tenaga seperti mana yang terdapat di negara-negara maju seperti Negara Jepun;

Ketiga, meningkatkan kefahaman dalam pengurusan tenaga yang berkesan ke arah pengukuhan dan memantapkan kod batangan dengan memasukkan ciri-ciri penjimat tenaga yang lebih berkesan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan;

Keempat, meningkatkan kerjasama dengan UBD, ITB, MTSSR, agensi-agensi kerajaan dan ins-

titusi-institusi akademik lainnya dalam mengembangkan kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan tenaga.

Kerjasama seperti ini patut juga diadakan dengan agensi-agensi yang lain bagi meningkatkan kecekapan penggunaan dan pengurusan tenaga di sektor-sektor yang lain seperti pengangkutan dan industri.

Akhirnya saya sukacita menyarankan agar kursus seperti ini dilaksanakan secara berterusan dan dilaraskan kepada semua pihak yang berkepentingan termasuk pihak swasta.

Dengan mengucapkan kalimah *Bismillahir Rahmani Rahim*, saya dengan sukacita melancarkan Buku Panduan pengurusan Tenaga dan seterusnya Merasmikan Pembukaan Kursus Pengurusan Tenaga.

Wabillah Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**AGENSI-AGENSI kerajaan adalah dengan ini diseru untuk mengambil iktibar dari buku panduan ini dan mengambil tindakan segera yang lebih bertanggungjawab untuk menjadi pengurus tenaga yang lebih efisien supaya dapat menjadi contoh kepada pihak swasta dan orang ramai.**

## Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Berserta Pemahaman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan menganjurkan Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Berserta Pemahaman Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1431 Hijriah sebagai salah satu projek tahunan untuk menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam dan merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan umat Islam di negara ini terutama kanak-kanak, murid-murid dan remaja untuk berjinak-jinak mencintai Al-Qur'an melalui hafazan, membolehkan membaca dan memahami Al-Qur'an dengan sempurna tanpa melihat kitab suci Al-Qur'an dan menjadikan budaya membaca Al-Qur'an dengan sempurna tanpa melihat kitab suci Al-Qur'an.

Selain itu ia juga untuk menambahkan lagi golongan penghafaz-penghafaz Al-Qur'an di negara ini, di samping untuk mendapatkan pahala dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala, mendorong dan membantu peserta dalam bidang hafazan, di mana mereka bukan hanya menghafaz semata-mata bahkan me-

lahami lagi maksud dan mengetahui apa yang terkandung di dalamnya termasuk fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid selain menimbulkan rasa tertarik dan keinsafan dalam diri peserta dan orang ramai terhadap Al-Qur'an melalui pemahaman.

Pertandingan ini akan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu Kategori 'A', 'B', 'C' dan 'D'.

Kategori-kategori dan surah-surah yang dipertandingkan serta syarat-syarat khas adalah seperti berikut:-

Kategori 'A': Menghafaz Surah Al Insyiqaaq, Surah Al Buruuj, Surah Ath-Thaariq, Surah Al A'laa, Surah Al Ghaasyiyah, Surah Al Fajr, Surah Al Balad, Surah Asy-Syams dan ayat-ayat lazim bermula dari Surah Adh Dhuhra hingga Surah Quraisy berserta pemahaman Surah Al Fajr bagi yang berumur 10 tahun ke bawah pada 1 Januari 2010 dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'A'.

Kategori 'B': Menghafaz Surah As Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ad Dukhaan, Surah Ar Rahmaan, Surah Al Waqa'i'ah, Surah Al Ju'mah, Surah Al Mulk, Surah Al Insaan

berserta pemahaman Surah Luqman bagi yang berumur 15 tahun ke bawah pada 1 Januari 2010 dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'B' serta bukan terdiri dari penuntut mana-mana institut tafhib Al-Qur'an.

Kategori 'C': Menghafaz 14 juz Al-Qur'an iaitu daripada juz 1 hingga 14 berserta pemahaman juz 4, terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Kategori 'C' serta tidak pernah menyertai Kategori 'D' bermula pada tahun 1427H / 2006M dan tidak menerima Elaun Menghafaz Al-Qur'an Lembaga Tasmie' Tertinggi dalam Kategori 30 Juz.

Kategori 'D': Menghafaz 30 juz Al-Qur'an berserta pemahaman juz 15, terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Kategori 'D'.

Sementara itu syarat umum bagi mengikuti pertandingan ini mestilah beragama Islam dan hendaklah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap dan setiap peserta hanya dibenarkan mengikuti pertandingan dalam satu kategori sahaja pada satu tahun.

## SIDANG PENGARANG

### Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,  
Haji Jaafar Haji Ibrahim

### Pemberitaan

Zabaidah Haji Salat,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarall,  
Hezlinawati Haji Abd. Karim,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Ak. Jefferi Pg. Durahman,  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,  
Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abdul Rahaman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Siti Zuraiyah Awang Sulaiman  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar

### Penyemakan

Haji Besar Haji Mamut,  
Yahya Haji Putra,  
Ramlah Md. Nor,  
Atikah Mohd. Asyraf,  
Hajah Sujinawati Mejari,  
Nurul Hazzwani Abu Omar,  
Siti Faizahanish Awang Mahani,  
Siti Noorzaimah Haji Noorali,  
Nur Hidayati Haji Haris

### Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

### Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,  
Haji Ahmad Haji Salim  
Hajah Musmariani Haji Mohammad,  
Hafizatul Atikah Abdullah

### Penterjemah

Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh,  
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Nur Zafirah Md. Hussin

pelitabrunei@information.gov.bn

produkpb@information.gov.bn

iklan.pb@information.gov.bn  
foto.pb@information.gov.bn

# Golongan daif, fakir dan miskin terima bantuan rumah

Oleh : Siti Zuraiyah Sulaiman,  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

PENGKALAN BATU, Selasa, 9 Februari. - Golongan daif, fakir dan miskin yang kurang bernasib baik dan tidak berkemampuan di negara ini sentiasa mendapat perhatian dan bantuan terutama daripada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak tiga buah rumah bantuan di bawah Projek Pembinaan Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin yang diselenggarakan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diserahkan kepada penerima di kediaman masing-masing.

Hadir menyempurnakan penyerahan sijil rumah di Majlis Penyerahan Sijil Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Sementara keperluan asasi disumbangkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dan perbelanjaan bagi pembinaan rumah-rumah tersebut adalah daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Penerima pertama rumah bantuan itu ialah Dayang

Saifah @ Normah binti Samban, 60, yang tinggal di Kampung Masin, Jalan Mulaut / Limau Manis. Beliau menerima rumah bantuan jenis banglo tiga bilik (Type B1a) telah siap dalam masa lima bulan.

Ketika ditemu bual oleh PELITA BRUNEI, beliau melahirkan rasa syukur dan gembira atas keprahitinan agensi-agensi kerajaan yang mengambil berat akan kedaifan tempat tinggal bagi kehidupan mereka lapan orang kesemuanya.

Memandangkan tahap kesihatan suami Dayang Saifah yang tidak mengizinkan untuknya bekerja, mereka sekeluarga hanya bergantung pada bantuan Baitul Mal setiap bulan dalam menyara perbelanjaan kehidupan.

Sementara, penerima kedua ialah Awang Mohammad bin Maidin, 65, yang menerima rumah bantuan jenis bertiang tiga bilik (Type B2) di Kampung Junjongan dan telah mengambil masa lima bulan untuk menyiapkannya iaitu bermula pada Julai sehingga Disember 2009 yang lalu.

Bagi Awang Mohammad pula, beliau mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan sangat-sangat berterima kasih atas kediaman bagi mereka sekeluarga berteduh dalam keadaan yang selesa.

Sebelum ini, Awang Mohammad sekeluarga menetap di rumah milik mereka yang berdindingan kayu sejak tahun 1989 dan ditakuti keadaan rumah itu tidak selamat untuk didiami ketika ini.

Dalam menyara kehidupan sehari-hari sekeluarga, beliau hanya mengharapkan kepada pencen tua dan bantuan



**SETIAUSAHA** Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, ketika memberikan Sijil Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin bagi Daerah Brunei dan Muara - Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (atas dan atas sekali).

daripada Baitul Mal setiap bulan.

Sementara itu, penerima ketiga Awang Hasrin bin Haji Timbang, 37, juga menerima rumah bantuan jenis bertiang tiga bilik (Type B2), di mana iaanya telah siap dalam masa lima bulan dari 27 Mei hingga 26 Oktober 2009.

Sebelum ini mereka sekeluarga menetap di sebuah berek kerajaan selepas berpindah dari rumah lama yang diroboh disebabkan keadaan tidak selamat untuk didiami.

Beliau turut melahirkan rasa syukur kepada pihak-pihak yang terlibat memberikan bantuan kepada keluarganya terutama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berharap agar usaha-usaha berkebajikan ini akan dilaratkan lagi di masa akan datang kepada mereka yang layak menerimanya.

# Masa depan industri gas Brunei cerah

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Negara Brunei Darussalam mempunyai masa depan yang cerah dalam industri gas aslinya di mana negara ini telah melabur dalam kerja-kerja memberikan nafas baru pada loji Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) di Lumut termasuk kapal-kapal Gas Cecair Asli (LNG) yang lebih besar dan baru.

Perkara itu dijelaskan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Hashim ketika merasmikan Forum Gas Asli ASEAN + 3 Ke-6, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Menurutnya langkah tersebut akan memastikan bahawa Projek BLNG akan terus memberikan bekalan LNG yang stabil dan berterusan kepada para pelanggan negara ini jauh lebih daripada kontrak-kontrak LNG ketika ini.

"Kami juga berbangga untuk menyatakan di sini bahawa loji metanol yang juga ditempatkan di Lumut akan beroperasi sepenuhnya dan akan memulakan eksport dalam masa yang singkat," jelasnya.

Sepanjang forum diadakan para delegasi akan membentangkan laporan mengenai isu, status dan trend semasa dalam sektor tenaga gas, seperti bekalan yang stabil hanya boleh dijamin jika terdapat kestabilan dan permintaan," ujarnya.

Forum dua hari itu dihadiri oleh negara-negara anggota ASEAN melainkan Laos, Myanmar, Viet Nam dan Republik Indonesia selain penyertaan dari negara Jepun, China dan Korea Selatan.

Menurutnya lagi, kerosotan ekonomi yang melanda dunia dua tahun lalu sangat mempengaruhi pa-



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ismail semasa berucap di majlis forum tersebut. - Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

ngan masa depan bagi pengeluaran, rancangan pelaburan masa depan, mengemas kini penerokaan gas dan program kerjasama antarabangsa.

Pembentangan tersebut disampaikan oleh negara anggota ASEAN yang mengeluarkan dan mengeksport gas asli iaitu para perwakilan dari Brunei, Kemboja dan Malaysia.

Para delegasi juga akan mendengarkan pembentangan laporan isu semasa dalam sektor tenaga gas, seperti pandangan permintaan, pelan pelaburan domestik bagi penggunaan gas yang sebaik-baiknya, mengemas kini mananya projek penerokaan dan perkembangan dan program-program kerjasama antarabangsa.

Pembentangan disampaikan oleh negara-negara anggota ASEAN yang menggunakan dan mengenai isu, status dan trend semasa dalam sektor tenaga gas, seperti bekalan yang stabil hanya boleh dijamin jika terdapat kestabilan dan permintaan," jelasnya.

Menurutnya lagi, kerosotan ekonomi yang melanda dunia dua tahun lalu sangat mempengaruhi pa-

**"KAMI juga berbangga untuk menyatakan di sini bahawa loji metanol yang juga ditempatkan di Lumut akan beroperasi sepenuhnya dan akan memulakan eksport dalam masa yang singkat."**

- Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Hashim

import gas asli iaitu para perwakilan dari Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand.

Sementara itu para perwakilan dari China, Jepun dan Korea juga akan membentangkan laporan mengenai isu semasa dalam sektor tenaga gas, seperti pandangan permintaan, rancangan pelaburan domestik bagi penggunaan gas yang sebaik-baiknya dan mengemas kini projek-projek penerokaan dan kemajuan yang besar bagi kerjasama antarabangsa.

Pembentangan disampaikan oleh negara-negara anggota ASEAN yang menggunakan dan mengenai isu, status dan trend semasa dalam sektor tenaga gas, seperti bekalan yang stabil hanya boleh dijamin jika terdapat kestabilan dan permintaan," jelasnya.

## Brunei - Korea tandatangani Penyusunan Kerjasama Hal Ehwal Belia

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea menandatangani Penyusunan Kerjasama Dalam Hal Ehwal Belia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat mewujudkan kerjasama dengan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sementara menandatangani bagi pihak Republik Korea ialah Menteri Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Keluarga, Yang Berhormat Puan Jae-Hee Jeon.

Majlis Penandatanganan diadakan secara berasingan di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan di Seoul, Republik Korea.

Penyusunan kerjasama ini dihasilkan sebagai satu permulaan ke arah meningkatkan serta mengukuhkan lagi usaha bersama di antara kedua-dua pihak dalam bidang kebeliaan.

Antara bidang kerjasama yang dihasilkan melalui penyusunan kerjasama ini termasuk pertukaran belia dan pegawai yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan pembimbingan belia serta bertukar-tukar pandangan dan berkongsi maklumat dalam pelbagai bidang kebeliaan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ismail ketika hadir selaku tetamu kehormat di forum tersebut.

# Brunei berpengalaman hadapi bencana alam

**“NEGARA Brunei Darussalam telah diberkati dan pengalaman dalam menghadapi bencana alam telah dihadkan kepada hanya banjir kilat, angin kencang, kebakaran hutan dan jerebu. Ada yang berkata kita tidak sepertunya berpuas hati.”**

- Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan



JERUDONG, Isnin, 8 Februari. - Kesan pemanasan global ke atas iklim semakin ketara sejak tahun-tahun kebelakangan ini dengan melihat peningkatan jumlah bencana-bencana terutama yang berkaitan dengan cuaca, seperti taufan dan ribut petir.

Di ASEAN, kita menyaksikan keadaan cuaca yang luar biasa yang tidak diduga menimbulkan kesan teruk kepada rantaui ini bukan sahaja dari segi ekonomi dan sosial, tetapi juga persekitaran.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Menteri Hal Ehwal pada hanya banjir kilat, angin kencang, kebakaran hutan dan jerebu. Ada yang berkata kita tidak sepertunya berpuas hati,” ujarnya.

Yang Berhormat seterusnya berkata sejak bertahun-tahun, kepentingan menginstitusikan pendekatan dalam pengurusan bencana-bencana untuk menjadikannya sebagai lebih bersistematis dan berintegrasi dalam semua aspek-aspek pengurusan bencana.

Menurut Yang Berhormat, bencana-bencana tersebut juga meninggalkan kesan kematian, kecederaan dan mangsa tidak mempunyai kedaikan.

Bagi Negara Brunei Darussalam tambahnya, kita juga akan menjalankan sedikit perubahan dalam corak cuaca dan akan dapat lebih banyak hujan daripada biasa semasa Monsun Barat Laut.

“Misalnya pada 2009, semasa monsun di mana hujan puncak direkodkan adalah 167.7mm (20 – 21 Januari 2010), telah menyebabkan kebanjiran di sebahagian tempat di negara ini.

Rumah-rumah, sekolah-sekolah, jalan raya-jalan raya, kedai-kedai dan kemudahan-kemudahan awam turut terjejas,” terangnya.

Selain itu Yang Berhormat menyatakan terdapat juga keskes tanah runtuh berlaku di beberapa tempat, di mana kejadian tersebut juga mengganggu pembekalan elektrik di sebahagian tempat di negara ini untuk beberapa hari.

“Negara Brunei Darussalam telah diberkati dan pengalaman dalam menghadapi bencana semasa yang berkuat kuasa dan hendaklah mengetahui keadaan persekitaran dan tapak yang dipohonkan.

ke arah itu PBYLKK meningkatkan orang ramai dan pemilik-pemilik tanah untuk mendapatkan nasihat dan kebenaran sebelum melaksanakan kerja-kerja tanah, pembinaan bangunan, pengubahsuaian, tambahan kepada bangunan (*extension*) dan mengubah kegunaan bangunan atau tanah.

Semua permohonan memohon binaan dan kerja tanah hanya boleh dihadapkan (menikut garis panduan-garis panduan yang telah disediakan dan keperluan PBYLKK oleh / melalui orang yang diiktiraf (*qualified persons*), iaitu akitek dalam Kategori ‘A’ atau ‘R’ dan juruterawa awam yang berdaftar di Kementerian Pembangunan tertakluk kepada jenis permohonan,” katanya.

Dalam Sidang Akhbar yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan seterusnya menjelaskan bahawa dengan penyelaras dan penyataan itu serta semua usaha-usaha pemberian sistem dan tatacara pengendalian kawalan kemajuan sejauh ini akan memberi impak dan perubahan ke arah perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai dan membantu mengurangkan kelambatan-kelambatan dalam memudahkan urus niaga dan menuju ke arah *ease of doing business* di negara ini.

Menurut Awang Haji Mohd. Rozan, beberapa siri taklimat dan jerayawara telah dilaksanakan mulai Oktober 2009 bagi membangunkan dan memaklumkan usaha penyataan kawasan-kawasan itu kepada pihak awam, seperti penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta pihak-pihak yang berkepentingan.

Katanya, Bab 6 Akta Perancang Bandar dan Desa 1972 (pindaan 1984)

## PBYLKK menyelaras, menyatukan kawasan luar kawalan di seluruh negara

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Februari 2010. - Bermula 16 Februari 2010 ini, Pihak Berkusa Yang Layak Kawalan Kemajuan (PBYLKK) yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Perancang, Bandar dan Desa akan menyelaras dan menyatukan semua kawasan luar kawalan di seluruh negara menjadi kawasan PBYLKK kecuali kawasan-kawasan Lembaga Bandaran.

Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos berkata, Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan di bawahnya dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah mengkaji semula pengendalian kawalan-kawalan kemajuan yang ada ke arah satu sistem kawalan kemajuan bangunan yang bersepada sebagai pengemaskinan dan penyelarasannya ke arah mempertingkatkan Perkhidmatan Awam kepada orang yang berkaitan dengan kawalan kemajuan.

“Pengisytiharan penyataan kawasan baru ini telah pun dikuatkuasakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan akan dijadikan dalam gazet kerajaan,” jelas Awang Haji Mohd. Rozan dalam Sidang Akhbar sejurus selepas Majlis Dialog Bersama Orang-orang Yang Diiktiraf (qualified persons).

Menurut Awang Haji Mohd. Rozan, beberapa siri taklimat dan jerayawara telah dilaksanakan mulai Oktober 2009 bagi membangunkan dan memaklumkan usaha penyataan kawasan-kawasan itu kepada pihak awam, seperti penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta pihak-pihak yang berkepentingan.

Sehubungan itu orang-orang yang diiktiraf (*qualified persons*) yang



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos ketika berucap di Sidang Akhbar. - Foto : Ramli Tengah.

(Kawalan Kemajuan) menghendaki semua kemajuan bangunan dan kerja tanah di dalam kawasan kawalan PBYLKK supaya mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pengurus PBYLKK sebelum kerja-kerja tanah dan pembinaan bangunan dimulakan.

Mulai tarikh itu juga (16 Februari 2010) semua permohonan kemajuan bangunan dan kerja tanah di kawasan kawalan PBYLKK hendaklah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tertentu yang disediakan Jabatan Perancang, Bandar dan Desa melalui cawangan-cawangannya di seluruh negara serta jabatan-jabatan ahli PBYLKK yang berkenaan.

“Semua permohonan memohon binaan dan kerja tanah hanya boleh dihadapkan (menikut garis panduan-garis panduan yang telah disediakan dan keperluan PBYLKK oleh / melalui orang yang diiktiraf (*qualified persons*), iaitu akitek dalam Kategori ‘A’ atau ‘R’ dan juruterawa awam yang berdaftar di Kementerian Pembangunan tertakluk kepada jenis permohonan,” katanya.

Tujuan utama penyelaras dan penyataan itu adalah untuk mengelakkan pertindihan dan mengurangkan birokrasi ke arah sistem kawalan pembangunan dan kemajuan bangunan yang bersepada terutama penyelaras agensi-agensi berkenaan di bawah Kementerian Pembangunan.

Sehubungan itu orang-orang yang diiktiraf (*qualified persons*) yang

menghadapkan semua bentuk permohonan bagi pihak pemohon dan pemilik-pemilik tanah akan lebih bertanggungjawab dan bersifat profesional serta memahami peraturan semasa yang berkait kuasa dan hendaklah mengetahui keadaan persekitaran dan tapak yang dipohonkan.

ke arah itu PBYLKK meningkatkan orang ramai dan pemilik-pemilik tanah untuk mendapatkan nasihat dan kebenaran sebelum melaksanakan kerja-kerja tanah, pembinaan bangunan, pengubahsuaian, tambahan kepada bangunan (*extension*) dan mengubah kegunaan bangunan atau tanah.

Semua pertanyaan dan kebutuhan bolehlah dihadapkan dengan menghubungi cawangan-cawangan Jabatan Perancang, Bandar dan Desa di kempat-empat daerah atau e-mel [tcpcomp@brunei.bn](mailto:tcpcomp@brunei.bn).

Dalam Sidang Akhbar yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan seterusnya menjelaskan bahawa dengan penyelaras dan penyataan itu serta semua usaha-usaha pemberian sistem dan tatacara pengendalian kawalan kemajuan sejauh ini akan memberi impak dan perubahan ke arah perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai dan membantu mengurangkan kelambatan-kelambatan dalam memudahkan urus niaga dan menuju ke arah *ease of doing business* di negara ini.

Penyampaian sijil-sijil kepada lebih 50 peserta di sempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohd. Abdo bin Dato Seria Haji Abd. Salam

akar umbinya katanya, merupakan faktor kejayaan di dalam berurusan yang berhubung dengan bencana alam.

NDMC menurutnya, adalah satu pusat baru dan sekarang memulakan untuk meningkatkan prasarana utama, pusat arahan bencana, sistem pengurusan bencana serta memperluaskan organisasi.

Bengkel hari ini tambahnya, menggabungkan Sistem Arah Insiden (ICS) ke dalam Sistem Pengurusan Bencana Negara Brunei Darussalam yang merupakan satu langkah ke hadapan dalam membantu kita dan meningkatkan kecekapan di bahagian pengurusan bencana.

Ini katanya tepat pada masanya serta melihat keperluan untuk memartabatkan sistem arahan dan kawalan terutama sekali dalam persediaan keadaan cuaca yang menjadi satu fenomena tetap di Negara Brunei Darussalam.

“Dengan ICS, saya yakin ia boleh mengukuhkan sistem pengurusan tindak balas bencana kita yang wujud oleh penyelarasan pembiawaan di kalangan agensi yang berbeza dan bagi memastikan penggerak balas pada peringkat berlainan yang mampu dan terlatih dalam perbezaan jenis-jenis kecemasan dan tindak balas bencana,” terangnya.

Justeru bengkel jelasnya, akan meningkatkan kesejahteraan dan tindak balas operasi dan mempromosikan kebolehan stakeholders.

Menurut Yang Berhormat, ini memerlukan perhatian dari pelbagai pihak agensi untuk bekerjasama dalam meningkatkan dan menyesuaikan Sistem Pe-

ngurusan Bencana yang seada dia.

“Dengan itu, kita hendaklah bersetuju kepada tahap sistem biasa untuk kita bersedia mana-mana tahap bencana alam dan ini amat penting terutama sekali di kalangan semua agensi ketika operasi-operasi bencana alam yang melibatkan pertarungan nyawa,” jelasnya.

Yang Berhormat juga menekankan kesemua agensi untuk menyatupadukan ICS ke dalam pelan strategik ataupun pelan tinjauan bagi mana-mana bencana alam dan juga pelan pentadbiran bencana alam kebangsaan.

Bengkel anjuran NDMC dengan kerjasama dari pihak Perkhidmatan Perhutanan Amerika Syarikat itu disertai lebih 50 peserta dari pelbagai agensi termasuk Kementerian Kesihatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kerja Raya mengikuti bengkel tersebut yang merupakan program di bawah Kerjasama ASEAN - Amerika Syarikat mengenai pengurusan bencana.

Negara Brunei Darussalam juga merupakan salah satu negara yang terpilih untuk menggunakan sistem arahan insiden Amerika.

Hadir sama di majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohd. Abdoh dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Mohd. Lufti.

## Pengurusan Bencana Kebangsaan hasilkan 10 rekomenedasi utama

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

JERUDONG, Rabu, 10 Februari. - Bengkel Pengurusan Bencana Kebangsaan yang diadakan selama tiga hari menghasilkan sepuluh rekomenedasi utama.

Rekomendasi-rekomendasi itu antara lain menekankan supaya semua sektor kerajaan menjadikan pengurusan bencana sebagai satu keutamaan selain mengusulkan penubuhan pasukan pengurusan insiden di semua peringkat (daerah dan negara).

Pewujudan pangkalan data bagi aset-aset dan sumber-sumber lainnya, di samping memberikan latihan dan pensijilan kepada semua pihak yang memberikan tindak balas bagi mengukuhkan kemahiran mereka juga diadakan semasa bengkel berkenaan.

Bengkel itu juga mengusulkan supaya diadakan satu saluran komunikasi, di samping menggunakan komponen-komponen Sistem Arah Insiden (*Incident Command System - ICS*) dan mewujudkan organisasi ICS yang bersesuaian dengan negara ini.

Juga dicadangkan ialah mewujudkan *hotline* Pusat Kecemasan selain menghasilkan terminologi glosari bersama untuk digunakan oleh semua agensi.

Rekomendasi tersebut disampaikan oleh wakil peserta kursus dari Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel Dr. Mohammad Bahrain bin Haji Bintang pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta bengkel berlangsung di Hotel Holiday Lodge, di sini.

Penyampaian sijil-sijil kepada lebih 50 peserta di sempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohd. Abdo bin Dato Seria Haji Abd. Salam



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Haji Mohd. Abdo bin Dato Seria Haji Abd. Salam menyampaikan sijil kepada seorang peserta bengkel dari Pasukan Simpanan Gurka. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Bengkel anjuran Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dengan kerjasama pihak Perkhidmatan Perhutanan Amerika Syarikat itu bertujuan bagi membincangkan isu-isu pengurusan insiden berdasarkan pengalaman negara ini dalam pengurusan bencana.

Selain dari itu, bengkel tersebut juga bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai ICS sebagaimana yang diperlakukan di Amerika Syarikat.

Bengkel di bawah Program Kerjasama ASEAN - Amerika Syarikat mengenai pengurusan bencana itu disertai oleh pelbagai agensi berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Penerangan.

# Sejumlah 1,348 kes kanser baru dikenal pasti

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berkata, kanser merupakan salah satu punca kematian utama di seluruh dunia dan menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan seramai 84 juta orang akan meninggal dunia disebabkan kanser di antara tahun 2005 hingga 2015 jika program pencegahan dan pengawalan tidak dilaksanakan.

Di Negara Brunei Darussalam katanya, penyakit kanser adalah punca utama kematian sejak tahun 2004 hingga 2007 dengan kadar kematian 55.1 setiap 100,000 penduduk pada tahun 2007.

Dari tahun 2002 hingga 2006 jelasnya, daftar kanser kebangsaan Brunei telah mencatatkan sejumlah 1,348 kes kanser yang baru dikenal pasti iaitu purata 269 kes setiap tahun.

Berucap demikian dalam perutusan sempena Hari Kanser Sedunia yang disambut setiap 4 Februari, Yang Berhormat berkata, jenis kanser yang lazim dihadapi di kalangan lelaki ialah kanser paru-paru manakala kanser payudara merupakan kanser utama di kalangan wanita. Lain-lain jenis kanser termasuk kanser serviks (pangkal rahim), *endometrium* dan *nasopharynx*.

Kes-kes kanser di negara ini menurutnya, secara perlahan-lahan telah dikesan pada peringkat usia yang muda, kanser paru-paru telah meningkat di kalangan bukan perokok dan obesiti telah dikaitkan dengan kejadian *endometrium* pada usia muda.

Namun begitu kanser katanya, merupakan penyakit yang boleh dicegah dan dirawat yang mana lebih daripada 30 peratus kes-kes kanser boleh dicegah jika kita mengambil tindakan melalui perubahan cara hidup.

Untuk mencegah dan mengawal kejadian penyakit kanser di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan tambanya, telah mengambil berbagai langkah termasuk pelaksanaan Perintah Tembakau 2005 dan peraturan-peraturan yang mana berhasrat untuk mengurangkan kadar penggunaan produk tembakau di negara ini dan juga penyakit kanser paru-paru.

Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Kesihatan mengambil berat akan penyediaan perkhidmatan rawatan yang holistik dan berkualiti tinggi.

Seterusnya Yang Berhormat menyatakan, bagi memantapkan lagi perkhidmatan rawatan dan penjagaan kesihatan ini, melalui usahasama Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), Unit Onkologi (Kanser) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah dipindahkan secara tetap ke JPMC pada 21 Disember 2009.

Tujuan pemindahan ini jelasnya, adalah untuk menyediakan sebuah Pusat Kanser (Onkologi) Kebangsaan yang lebih komprehensif sebagai pusat rujukan kebangsaan untuk merawat mengubat dan mencegah penyakit kanser di negara ini serta meningkatkan kualiti penghidupan pada penghidupan kanser.

Menurutnya, pusat tersebut menyediakan kemudahan yang khusus dan lebih bersesuaian serta selesa untuk pesakit-pesakit yang mengidap penyakit kanser.

Sempena Hari Kanser Sedunia tahun ini, Kementerian Kesihatan akan menganjurkan aktiviti yang menjurus kepada mendidik dan menambah kefahaman orang ramai tentang langkah-langkah yang mudah untuk mencegah penyakit kanser dan seterusnya menyarankan orang ramai mengubah sikap mereka dengan mengamalkan nasihat-nasihat yang diberikan.

Tema Hari Kanser Sedunia tahun ini ialah 'Kanser Juga Boleh Dicegah' (*Cancer Can Be Prevented*). Ianya bertujuan untuk mengarahkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah yang mudah untuk mencegah penyakit kanser.

Empat cara utama ialah berhenti menggunakan produk tembakau, mengamalkan pemakanan sihat dan kegiatan fizikal secara berterusan, mencegah jangkitan seperti Hepatitis B yang boleh mengakibatkan kanser dan tidak mengambil alkohol.

Tema ini amat bertepatan dan selaras juga dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan terutama dalam usaha mempromosikan dan membudayakan cara hidup sihat di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

# Penangguhan vaksin Influenza A (H1N1)

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Program Suntikan Vaksin Influenza A (H1N1) ditangguhkan buat sementara waktu bermula hari ini.

Penangguhan ini berikutnya penerimaan bekalan kumpulan baru vaksin tersebut yang memerlukan penelitian dan ianya benar-benar

memenuhi piawaian kualiti bagi keselamatan.

Bagi orang ramai yang telah menerima suntikan vaksin sebelum ini, adalah dimaklumkan bahawa vaksin yang telah diberikan itu adalah memenuhi piawaian kualiti dan selamat.

Orang ramai akan dimaklumkan jika program suntikan disambung semula sehingga suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

# Persatuan Pembelajaran Bertingkat adakan Hari Keluarga

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Februari. - Kanak-kanak berkeperluan khas khususnya mereka yang menghadapi masalah autisme dan gangguan perkembangan terus mendapat perhatian daripada masyarakat prihatin di negara ini.

Autisme dan gangguan perkembangan lainnya kini meningkat di seluruh dunia dan fakta ini diakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mana penyelidikan menunjukkan bahawa keadaan kanak-kanak bermasalah itu boleh diingkatkan dan mempunyai harapan di mana para pakar bersetuju diagnosis dan pemerhatian awal merupakan kuncinya.

Penubuhan Persatuan Pembelajaran Bertingkat (PPB) sejak Oktober 2007 adalah untuk menyediakan sokongan emosi yang sangat diperlukan di mana dengan berada di bawah satu payung persatuan itu,

para ibu bapa boleh mendapat sokongan, berkongsi maklumat dan mendidik mereka mengenai cara terbaik bagi membantu anak-anak mereka.

Sehubungan itu PPB hari ini menganjurkan acara Hari Keluarga di kawasan letak kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas yang dirasmikan oleh Yang Dipertua persatuan berkempenan, Dr. Sharina binti Yusnus.

Pelbagai aktiviti disediakan untuk para pengunjung termasuk gerai jualan makanan, pakaian, permainan diadakan sepanjang acara Hari Keluarga PPB yang bertujuan bagi mengutip derma persatuan berkempenan.

Dalam temu bual bersama PELITA BRUNEI, Yang Dipertua PPB berkata, kanak-kanak autisme dan gangguan perkembangan di negara ini bernasib baik kerana diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan,



**KEGIATAN** dan aktiviti yang diadakan sempena Hari Keluarga Persatuan Pembelajaran Bertingkat berlangsung di kawasan letak kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad.

swasta mahupun persatuan-persatuan lebih-lebih lagi dengan wujudnya kempen kesedaran autisme dan penubuhan rasmi persatuan tersebut.

Katanya, misi PPB adalah untuk membantu menghubungkan keluarga austism dan gangguan perkembangan dengan para profesional berpengalaman dan berkelayakan, di

samping membantu menyediakan terapi menggunakan kaedah yang terbukti secara saintifik.

Selain itu ia juga untuk memberikan maklumat, sumber-sumber dan menyokong keluarga-keluarga yang terjejas oleh autisme dan gangguan perkembangan lainnya serta mendidik para ibu bapa, penjaga dan orang ramai tentang autisme dan gangguan perkembangan.

Membesarkan kanak-kanak autisme dan gangguan perkembangan adalah sangat mencabar dan memberi tekanan hebat terhadap keluarga, baik dari segi kewangan mahupun perasaan, di mana ibu bapa kadangkala menghadapi penolakan dan kritikan malah pengasingan.

# Bengkel Gaya Hidup Sihat dedahkan guru **kepentingan kesihatan**

Oleh : Abu Bakar  
Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Februari. - Seramai 80 orang guru-guru dari pelbagai sekolah di negara ini yang mengajar mata pelajaran Sains Tingkat 2 menghadiri Bengkel Gaya Hidup Sihat di Pusat Promosi Kesihatan, Berakas, di sini.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Kassim yang seterusnya menjelaskan tentang bengkel berkempenan.

Menurut Pegawai Kemudahan Kesihatan, Awang Shahirah Sharifuddin, bengkel yang diadakan itu adalah untuk menyampaikan mesej-mesej kesihatan kepada guru-guru dan mengajar mereka tentang kepentingan kesihatan.

Dalam pada itu katanya ia juga secara langsung memberi peluang kepada guru-guru bermuazakah dan berbincang de-

ngan pegawai-pegawai kesihatan di Pusat Promosi Kesihatan untuk bagaimana menyampaikan mesej tersebut kepada murid-murid di sekolah dengan lebih berkesan.

Antara topik yang dibincangkan dalam seminar ini termasuklah diet sihat oleh Pegawai Pemakanan Kesihatan, Dayang Norlinda binti Haji Maweh yang antara lain menyarankan pengambilan makanan yang seimbang untuk menjaga kesihatan.

Juga dijelaskan dalam bengkel tersebut ialah bahaya rokok yang bukan saja membahayakan kesihatan kepada perokok sendiri, tetapi juga kepada orang awam yang dekat kepadanya.



**SEBAHAGIAN** guru yang menyertai Bengkel Kesihatan yang diadakan di Pusat Promosi Kesihatan Berakas. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Bengkel yang berjalan selama tiga hari ini melibatkan lebih 200 orang guru dari seluruh negara yang dihasratkan sebagai ejen penyampai kepada murid-murid sekolah bagi membina gaya hidup yang lebih sihat yang bermula dari kanak-kanak sekolah.

## MENJELANG HARI KEBANGSAAN KE-26 TAHUN

# “ KAMI BANGGA MENJADI RAKYAT BRUNEI ”

Oleh :  
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
Foto :  
Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin



**“ SAYA berbangga menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Antara sejarah penting yang terpahat sepanjang pemerintahan baginda ialah saat negara kita mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat pada 1 Januari 1984. Semboyan pengisytiharan kemerdekaan itu sendiri telah dimasyurkan oleh baginda sendiri dengan penuh berasa di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sebagai sebuah negara yang merdeka, penuh berdaulat dan demokratik dengan berfalsafahkan Melayu Islam Beraja. Sebagai ketua negara, baginda meletakkan kesejahteraan rakyat paling atas dalam agenda pembangunan negara. Baginda terus memimpin dengan gigih, bekerja keras tanpa mengenal erti penat lelah dan sentiasa akan membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu kegemilangan dalam segenap bidang.”**

- Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin



**“ SAYA berbangga menjadi rakyat Brunei atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berlandaskan ajaran agama Islam dan berkongseian Melayu Islam Beraja. Hidup dalam keamanan, kesejahteraan, kesenangan dan kesempurnaan dalam penuh kemerdekaan memberi semangat jati bangsa. Melihat kepada pembangunan secara berdaya tahan mengukuhkan kepercayaan dalam kemajuan negara. Dengan kesempurnaan agama kita semua boleh merasakan keberkatannya. Oleh itu saya berbangga menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam dan akan terus menyumbang ke arah kemajuan kampung, mukim dan negara.”**

- Setiausaha Majlis Perundingan Kampung Sungai Matan dan juga Ahli Majlis Perundingan Mukim Kota Batu, Pengiran Azmanishah bin Pengiran Haji Abd. Rahman



**“ SAYA berasa bangga dan bersyukur dilahirkan di bumi Brunei Darussalam walaupun negara ini kecil, tetapi kemajuan dan perkembangan yang dinikmati setaraf dengan negara-negara lain di dunia. Tema Hari Kebangsaan ‘Negaraku Brunei Darussalam’ bermakna kita harus berperanan penting selaku rakyat bagi mengisi kemerdekaan itu dengan kegiatan yang boleh menaikkan nama negara, bukan sahaja di peringkat serantau, malah di peringkat dunia. Keberuntungan bernegara yang merdeka dan berdaulat adalah satu nikmat yang paling besar kerana orang Brunei sendiri yang mendirib negara dan kemerdekaan yang dicapai bukannya menumpahkan darah melainkan melalui rundingan pemimpin negara. Pencapaian kemerdekaan negara juga unik berbanding negara lain dan sehingga sekarang negara terus hidup aman dan damai tanpa terjadi sebarang konflik serta boleh dijadikan contoh sebagai sebuah negara yang paling aman di dunia.”**

- Miera anak Layang dari Daerah Temburong



**“ SAYA mengagumi Negara Brunei Darussalam negara yang kita cintai, selama pemerintahan baginda, negara sudah merdeka 26 tahun, baginda berjaya membangunkan dan memodenkan Negara Brunei Darussalam sebaris dengan negara-negara maju, tetapi dalam waktu yang sama meletakkan negara ini setaraf dengan negara-negara yang berdaulat. Realitinya Negara Brunei Darussalam terus termasyhur, dihormati dan digalati di dunia global. Sepanjang lebih empat dekad kemerdekaan, negara dan rakyat berbangga dengan pembangunan yang kita nikmati selama ini.”**

- Ahli Jawatankuasa Tertinggi Angkatan Sang Jati Dusun Daerah Tutong, Chom Wah bin Sidin



**“ KITA tetap bangga menjadi rakyat dan penduduk di sebuah negara Melayu Islam Beraja. Kita bangun dan majukan negara kita Brunei Darussalam ini sejajar dengan negara-negara dan bangsa-bangsa yang maju, selamat dengan menikmati keamanan yang berpanjangan. Sebagai rakyat Brunei sudah tentu kita bersedia bagi mencurahkan jasa bakti kepada bangsa dan tanah air menurut kemampuan kita.”**

- Dayang Hajah Rogayah binti Idris





TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Bahrom semasa berucap di Majlis Perasmian Penubuhan Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

**"IA merupakan suatu nilai tambah (value added) yang sangat berguna dan bermanfaat kepada para mahasiswa semasa mengikuti pengajian mereka di universiti, kerana selain daripada menimba ilmu pengetahuan, penglibatan para mahasiswa dalam program kokurikulum ini akan melatih mereka menjadi warga yang bertanggungjawab dan menanamkan sifat keprihatinan kepada masyarakat sama ada di dalam atau di luar kampus."**

## PPB tumpukan kemahiran, pembangunan diri dan penempatan kerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Februari. - Program Pembangunan Belia (PPB) mengandungi tiga komponen penting iaitu Program Latihan Kemahiran, Program Pembangunan Diri dan Program Penempatan Kerja.

Pada tahun pertama, mereka akan mengikuti Program Latihan Kemahiran dan Program Pembangunan Diri selama sembilan bulan.

Melalui kedua-dua program ini, para pelatih akan mengikuti salah satu dari sepuluh kursus yang ditawarkan.

Bagi kursus-kursus teknikal pula, pihak pusat dibantu oleh Jabatan Pendidikan Teknikal melalui penempatan dua mentor di pusat itu.

Pegawai Tugas-Tugas Khas selaku Ketua PPB, Dayang Hajah Fatimah binti P. P. Haji Awang Mohd. Salleh juga selaku Ketua PPB menyatakan perkara itu semasa berucap di Majlis Pendaftaran Para Pelatih PPB Sesi 2009/2010, berlangsung di PPB, Jalan Lebuhraya Muara-Tutong, di sini.

Menurutnya, melalui Program Pembangunan Diri, para pelatih juga akan diajarkan perkara-perkara yang berkaitan dengan semi akademik seperti Ilmu Keusahawanan, Ilmu Perakaunan, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Pengetahuan Ugama Islam (PUI), di samping perkara-perkara lain seperti berkebun landscaping, disiplin diri, pengurusan masa dan sebagainya.

"Dalam Program Pembangunan Diri, dari awal pusat ini ditubuhkan, penekanan terhadap PUI di kalangan belia-belia di pusat ini tidak diabaikan kerana melalui PUI secara tidak langsung akan membentuk peribadi serta sahsiah yang positif di kalangan belia," ujarnya.

Manakala bagi Program Penempatan Kerja, para pelatih akan mengikuti program tersebut selama sembilan bulan sama ada di

**Oleh :  
Dk. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad**

sektor kerajaan maupun sektor swasta.

Pada tahun ini jelasnya, program berkenaan akan dilaksanakan terus sejurus mereka menamatkan Program Latihan Kemahiran dan Program Pembangunan Diri pada bulan November 2010 hingga Julai 2011 selama sembilan bulan.

Beliau berharap dan menaruh harapan yang tinggi kepada para pelatih yang telah terpilih untuk mengikuti PPB Sesi 2010/2011 pada tahun ini agar tidak mempersiasikan peluang yang telah diberikan kerana ia adalah merupakan peluang terbaik yang tidak akan datang berulang-ulang.

Dalam tempoh pengajian selama sembilan bulan itu, beliau menyeru agar para pelatih akan dapat mengikuti peraturan dan disiplin yang telah diaturkan oleh pihak pusat demi kebaikan dan kesejahteraan para pelatih sendiri.

Pada tahun ini, pihak pusat telah menerima sebanyak 379 permohonan bagi mengikuti sepuluh jenis kursus yang ditawarkan bagi sesi kemasukan 2010/2011 tetapi hanya 227 permohonan dari jumlah tersebut telah berjaya diterima untuk mengikuti PPB pada tahun ini.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kursus Komputer dan Pengendalian Pejabat dan Katering adalah merupakan kursus popular yang banyak dipohonkan.

Jelasnya, sebanyak 186 memohon bagi Kursus Komputer dan Pengendalian Pejabat, manakala sebanyak 93 permohonan bagi Kursus Masakan dan Katering.

Pada sesi 2010/2011 ini, seramai 50 orang masing-masing akan mengikuti Kursus Komputer dan

## Program kokurikulum penting sebagai satu komponen akademik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Februari. - Program kokurikulum di institusi-institusi pengajian di negara ini merupakan salah satu komponen kegiatan akademik yang penting kepada para pelajar bukan sahaja di sekolah menengah bahkan kepada para mahasiswa pada mahasiswa penting.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyatakan demikian semasa berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Perasmian Penubuhan Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), di Dewan Utama KUPUSB, di sini.

Menurutnya, ia merupakan

**Oleh : Dk. Vivy  
Malessa Pg. Ibrahim**

kan suatu nilai tambah (*value added*) yang sangat berguna dan bermanfaat kepada para mahasiswa semasa mengikuti pengajian mereka di universiti, kerana selain daripada menimba ilmu pengetahuan, penglibatan para mahasiswa dalam program kokurikulum ini akan melatih mereka menjadi warga yang bertanggungjawab dan menanamkan sifat keprihatinan kepada masyarakat sama ada di dalam atau di luar kampus.

Tambah Yang Berhormat lagi, ia juga merupakan satu usaha dan inisiatif yang berkesan dalam membentuk sah-

siah yang seimbang dari segi mental, fizikal, emosi dan intelek.

Beliau juga berseru kepada bakal-bakal kadet yang akan mengikuti sesi teori dan praktikal pada semester ini agar akan dapat memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan sesi pembelajaran dan latihan yang akan diberikan.

Kejayaan satu-satu kursus katanya, adalah bergantung kepada komitmen yang padu dari bakal-bakal kadet terutama dalam memberikan kerjasama yang itu dan menepati waktu-waktu latihan yang telah ditetapkan.

Sementara itu, Pengarah Pusat Ilmu Teras KUPUSB, Profesor Madya Dr. Ghazali bin Basri

selaku Pengurus majlis dalam ucapan alu-aluanannya menjelaskan, penubuhan pasukan beruniform seperti Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan serta membekalkan pengalaman dan kemahiran di kalangan setiap pelajar di KUPUSB.

Pada majlis itu, Pengiran Haji Bahrom juga menyempurnakan perasmian Penubuhan Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat KUPUSB.

Pasukan Kadet dan Penyelamat itu buat julung kali ditubuhkan khusus bagi sesi pengajian Januari 2010 tahun ini.

Seramai 60 pelajar yang memasuki pasukan itu terdiri dari 29 lelaki, 31 perempuan dengan tiga

penyelia terdiri dari pegawai dan pensyarah KUPUSB.

Hadir di majlis ini, Pemangku Pengguna Kanan Bomba dan Penyelamat, Komandan Pusat Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang Mohd. Azanisham bin Abdullah yang juga selaku Pengurus Bersama.

Juga hadir, Ra'es KUPUSB, Timbalan Ra'es, Pendaftar KUPUSB, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai utama, dekan-dekan, pensyarah-pensyarah serta para pelajar KUPUSB.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mahasiswa Diploma Tertinggi Perguruan Ugama, KUPUSB, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin.



PARA pelajar yang mengikuti Program Latihan Kemahiran dan Program Pembangunan Diri di Program Pembangunan Belia (PPB) semasa melafazkan ikrar. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

## Pelajar berpeluang dapatkan maklumat terperinci kursus-kursus di UK

**Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Februari. - Pameran Pendidikan UK 2010 yang diadakan di negara ini bertujuan bagi memberi peluang kepada para pelajar atau lepasan sekolah bagi mengetahui peluang-peluang yang ditawarkan untuk melanjutkan pengajian tinggi di beberapa universiti terkemuka United Kingdom.

Pameran sehari bertempat di Sutra Multipurpose Hall, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong dibuka kepada orang ramai bermula jam 1.00 petang hingga 7.00 malam.

Sebanyak 27 institusi terkemuka UK menyertai pameran tersebut antaranya Universiti Warwick, Universiti Cardiff, Universiti New Castle, Universiti Essex, Universiti Nottingham dan Universiti Swansea.

Selain perwakilan dari institusi pendidikan UK, agensi lain yang turut menyertai pameran tersebut ialah UK Border Agency yang membantu mengenai visa pelajar, Majlis Akredetasi Kebangsaan Brunei Darussalam (di mana pengunjung boleh bertanya mengenai institusi yang diiktiraf di luar negeri); CfBT Education Services Sendirian Berhad; Unit Biasiswa Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam serta Takaful IBB Berhad.

Sementara itu, beberapa institusi di UK juga menawarkan biasiswa kepada para penuntut Brunei.

Pada pameran tersebut, para pengunjung memperolehi banyak manfaat serta berpeluang menemui wakil dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan universiti di UK untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang kursus-kursus yang ada dan kursus-kursus baru yang ditawarkan.

Pada masa yang sama, turut diadakan ialah seminar bagi menambahkan lagi maklumat terperinci mengenai



SEBAHAGIAN dari pengunjung ke Pameran Pendidikan UK 2010. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

panduan-panduan untuk melanjutkan pengajian di UK.

Seminar tersebut diadakan di Bilik Mesyuarat 1, Tingkat 4, Hotel Antarabangsa Rizqun bermula dari jam 2.00 hingga 5.00 petang.

Untuk maklumat lanjut mengenai pameran, biasiswa dan sebagainya boleh melayari laman web [www.ukinbrunei.fco.gov.uk](http://www.ukinbrunei.fco.gov.uk).

Pameran Pendidikan UK anjuran British Council di negara ini diadakan dua kali pada setiap tahun sejak tahun 1998.

Kursus-kursus yang ditawarkan melebihi 230,000 jenis di kesemua institusi pengajian tinggi seluruh UK merangkumi pengajian Islam membawa ke pengurusan persekitaran dan animasi digital.

UK memang terkenal dari aspek pendidikan berkualiti, di mana para pelajar akan mendapat kelulusan yang diiktiraf di seluruh dunia, di samping menekankan kemahiran pemasaran yang mendorong orientasi pembelajaran sepanjang hayat.

# Islam mementingkan kebersihan zahir, batin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Februari. - Islam adalah agama yang sangat mementingkan kebersihan, baik kebersihan zahir dan batin setiap individu maupun kebersihan alam sekitar.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata demikian ketika merasmikan Seminar Fiqh Al-Bi'ah (Persekutaran), berlangsung di Dewan Takaful, DAR Takaful IBB Utama di sini.

Oleh itu katanya, adalah perlu umat Islam menjadi contoh khasnya umat Islam di negara ini dengan meningkatkan keimanan dan kefahaman ajaran Islam supaya setiap apa yang dilakukan akan menjadi sangat bermakna kerana bukan saja ia memenuhi keperluan saintifik, malah juga memenuhi keperluan akidah dan syariah sebagai satu ibadah yang akan diberi ganjaran pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia seterusnya berkata, isu pemanagan global dan perubahan cuaca, rumah hijau dan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

seumpamanya telah banyak diperkatakan di forum-forum antarabangsa dan yang terbaru ialah Persidangan Perubahan Cuaca anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di Copenhagen, Denmark.

Persidangan tersebut, jelas Yang Mulia lagi, antara lain mendesak negara-negara maju agar menolong dan membantu negara-negara yang sedang membangun untuk mengurangkan penyebaran karbon kerana didapati penyebaran karbon rumah hijau memberi kesan yang amat teruk kepada dunia, khususnya dunia ketiga, tidak terkecuali negara-negara kecil seperti Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia seterusnya menjelaskan persidangan itu juga mengakui akan pentingnya menghentikan penebangan pokok-pokok di hutan dan pembinaan rumah hijau bagi mengurangi kadar pencemaran alam sekitar.

Penebangan hutan secara besar-besaran dan pembi-

aan rumah hijau, menurut Yang Mulia, berlaku kerana adanya keperluan industri, keperluan untuk memenuhi keinginan manusia yang mementingkan keuntungan material semata-mata tanpa memikirkan akibat buruknya kepada manusia itu sendiri.

Memandangkan kerosakan itu berlaku disebabkan oleh manusia, jelas Pengiran Dato Seri Setia, maka manusia itu sendiri perlu disedarkan tentang perlunya mereka berhenti dari meneruskan perkara-perkara yang merosakkan itu dan melihat penjagaan alam sekitar itu sebagai tanggungjawab keagamaan dan tanggungjawab kemanusiaan kepada setiap orang Islam dan bukan Islam.

Ini, jelas Yang Mulia lagi, bukan tugas ahli sains semata-mata, juga bukan tugas Jabatan Alam Sekitar sahaja, tetapi tugas bersama.

"Di sinilah jika kita renungi dengan mendalam betapa agung dan indahnya ajaran Islam itu sebagai ajaran yang universal yang

sesuai di segala zaman dan sesuai dengan tuntutan fitrah semula jadi kehidupan manusia itu sendiri."

Islam sudah mengajarkan kepada penganut-penganutnya lebih empat belas abad dahulu betapa perlunya alam sekitar itu dijaga dengan baik dari segi keasliannya, kebersihannya, keindahannya dan keunikannya," jelas Pengiran Dato Seri Setia.

Seminar anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISZA) itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang tanggungjawab ajaran agama dalam melestarikan bumi bagi generasi akan datang.

Di samping itu, seminar seumpamanya juga bertujuan untuk menggali dan mengkaji aspek kelestarian alam menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah serta mengkaji hubungan antara penggunaan sumber semula jadi, persekitaran dan kesannya kepada sosial.

Sebanyak 17 kertas kerja dibentangkan pada seminar dua hari bertemakan 'Menjaga Persekutuan : Tunutan Uggama' itu.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap merasmikan Seminar Fiqh Al-Bi'ah (Persekutaran), di Dewan Takaful, DAR Takaful IBB Utama. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

**" UMAT Islam menjadi contoh khasnya umat Islam di negara ini dengan meningkatkan keimanan dan kefahaman ajaran Islam supaya setiap apa yang dilakukan akan menjadi sangat bermakna kerana bukan saja ia memenuhi keperluan saintifik, malah juga memenuhi keperluan akidah dan syariah sebagai satu ibadah yang akan diberi ganjaran pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala. "**

## Pelajari Al Qur'an tanpa bosan

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Januari. - Para pelajar yang masih di dalam Skim Bimbingan Al-Qur'an diseru supaya akan terus berusaha dan menjauhi perasaan bosan atau jemu dalam mempelajari Al-Qur'an.

Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap membuat seruan tersebut semasa berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Pelajar-pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Seluruh Negara Tahun 1431H/2010M berlangsung di Dewan Besar Pusat Da'wah Islamiah, Pulaie di sini.

"Saya percaya tidak semua para remaja berpeluang mengikuti skim ini. Kerana itu, selama mana peluang itu masih ada, maka rebutlah kesempatan tersebut dengan sebaik-baiknya. Manfaatkanlah kesempatan tersebut dengan belajar bersungguh-sungguh," ujarnya.

Terdahulu jelasnya, skim ini telahpun mencapai sebahagian matlamatnya bila mana kejayaan demi kejayaan telah dicapai oleh pelajar-pelajar dan juga lepasan Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja baik dari peringkat rendah maupun di peringkat yang lebih tinggi dan mencabar.

Menurutnya, pada tahun 2008 yang lalu, seorang qari dan seorang qariah yang merupakan lepasan pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja iaitu Awangku Mohd. Adibulain bin Pengiran Haji Marzuki dan Dayang Nurfaezah binti Haji Emran telah berjaya menyandang johan di Musabaqah Tilawatil Qur'an Peringkat Akhir Dewasa Kebangsaan dan sekaligus mewakili negara ke Majlis Tilawatil Qur'an Peringkat Antarabangsa yang berlangsung di Terengganu Malaysia, di mana kedua-duanya telah mendapat tempat ketiga dan kelima di pertandingan tersebut.

Selain dari itu, beberapa orang lagi pelajar skim ini tambahnya, turut meraih kejayaan di pertandingan-pertandingan membaca Al-Qur'an yang diikuti, baik dari peringkat sekolah ugama maupun sekolah menengah, peringkat institusi pengajian tinggi, universiti Asean, belia kebangsaan dan belia Asia Tenggara.

"Kesemua ini adalah suatu pendedahan awal bagi menimba pengalaman dalam kerja pembacaan Al-Qur'an, di samping bagi menonjolkan keterampilan generasi baru di dalam persaingan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an di masa akan datang," jelasnya lagi.

Di musabaqah ini, sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu Kategori Qari dan Kategori Qariah, di mana setiap kategori disertai oleh seramai empat orang peserta.

Johan qari diraih oleh Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dari Daerah Brunei dan Muara dengan surah pilihannya, Surah An-Naml ayat 76. Naib johan disandang oleh Abd. Qawiyuddin bin Suhaili dari Daerah Belait yang membaca Surah Al Baqarah ayat 243, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Awang Dhabith Al-Mubarak bin Haji Md. Juanda dari Daerah Brunei dan Muara dengan surah pilihan Al Baqarah ayat 44.

Bagi Kategori Qariah pula, johan disandang oleh

Dayang Yumni Haziqah binti Mohammad dari Daerah Brunei dan Muara dengan membacakan Surah An Nisa' ayat 103 diikuti oleh peserta yang membaca Surah Ali 'Imran ayat 23, dari Daerah Brunei dan Muara iaitu Dayangku Fauziah binti Pengiran Haji Jofri sebagai naib johan manakala Dayang Nurul Amirah binti Maidin dari Daerah Tutong terpilih untuk menduduki tempat ketiga dengan membaca Surah Al An'aam ayat 1.

Hadiyah-hadiyah disempurnakan oleh tetamu kehormat di majlis tersebut.

Pertandingan ini merupakan salah satu kegiatan tahunan sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1431 yang dikendalikan oleh ahli-ahli jawatankuasa Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Anjuran Unit Ko-Kurikulum dan Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Antara tujuan pertandingan adalah bagi menggalakkan pelajar-pelajar mengembangkan bakat dan kebolehan dalam bidang pembacaan Al-Qur'an secara berlagu selain meningkatkan mutu pembacaan di kalangan pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja.

Selain ianya juga sebagai persediaan dan latihan awal bagi pelajar-pelajar skim untuk mengembangkan bakat pembacaan Al-Qur'an ke peringkat yang lebih tinggi, di samping mengeratkan hubungan silaturahim.

Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja merupakan salah satu skim yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Islam, khusus bagi membimbing para remaja yang mempunyai bakat seni di dalam pembacaan Al-Qur'an.

Sejak penubuhannya dari tahun 1997, jumlah keramaian pelajar skim ini telah mencapai 1,441 orang di seluruh negara.

Skim dibuka kepada para remaja yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berumur di antara 12 hingga 18 tahun.

Melalui skim ini, Jabatan Pengajian Islam berharap negara tidak akan ketandusan qari-qari dan juga qariah-qariah yang berkemampuan dalam pembacaan Al-Qur'an secara berlagu.



JOHAN bagi peserta qari Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri di Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Pelajar-pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Seluruh Negara bagi Tahun 1431H/2010M. - Foto : Azmah Haji Ahad.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa menyampaikan Kuliah Tafsir Al-Qur'an di Jame' Asr Hassani Bolkiah. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

**" AL FAATIHAH itu merangkumi akidah, konsep agama Islam dan tunjuk ajar Ilahiyyah dalam memandu hamba-hamba-Nya ke jalan yang diredayai-Nya. "**

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Januari. - Di antara rukun-rukun sembahyang ialah membaca Surah Al Faatihah berulang-ulang dalam setiap permulaan raka'at dan tidak sah sembahyang jika surah tersebut tidak dibaca.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ehwat Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin antara lain menyatakan demikian semasa menguraikan mengenai Surah Al Faatihah dalam Siri Kuliah Tafsir Al-Qur'an.

Dalam rakaman program terbitan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang diadakan di Dewan Serbaguna, Jame' Asr Hassani Bolkiah itu, Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa Al Faatihah juga bernama Asy-Syifa' yakni ubat, penawar dari segala racun.

Pada Siri Kuliah Tafsir Al-Qur'an itu, Yang Berhormat juga menyatakan bahawa Surah Al Faatihah mempunyai keutamaannya sendiri dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menyatakan kepada seorang sahabat, Ubai bin Ka'ab bahawa Allah tidak menurunkan surah yang setara dengan Al Faatihah itu baik dalam Taurat, Injil, Zabur dan Al Furqan.

Yang Berhormat dalam kuliahnya juga menyatakan tentang kepentingan

kandungan ayatnya untuk sentiasa dibaca, difahami dan dihayati oleh setiap orang Islam yang mukallaf.

Ini kerana jelas Yang Berhormat, Al Faatihah itu merangkumi akidah, konsep agama Islam dan tunjuk ajar Ilahiyyah dalam memandu hamba-hamba-Nya ke jalan yang diredayai-Nya.

Siri Kuliah Tafsir Al-Qur'an merupakan satu lagi program yang diungkapkan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an, MABIMS, sebagai salah satu program pengajian dan penyebaran Al-Qur'an berserta ilmu-ilmu berkaitannya.


Menurut Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an, MABIMS, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, program yang disasarkan kepada pegawai-pegawai kerajaan, para pelajar dan juga belia itu bertujuan untuk memperluaskan fungsi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an, MABIMS dalam menjadikan Al-Qur'an sebagai sumber ilmu dan wadah kerohanian bagi setiap insan.

Awang Haji Abd. Rajid seterusnya menjelaskan bahawa program bercorak keagamaan itu akan berjalan sebanyak 48 siri dan akan diisarkan oleh RTB serta diedarkan untuk siaran ke negara-negara anggota MABIMS yang lain.



**BENA-BENA** yang memaparkan kemajuan dan perkembangan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam didirikan di jalan-jalan raya utama sekitar ibu negara memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan bagi tahun ini.

# IBU NEGARA BERUBAH WAJAH



Oleh: Samle Haji Jait  
Foto :  
Abdul Kadir Md. Tahir,  
Hatrul Azmi Abd. Hamid



WAJAH Bandar Seri Begawan kini berubah dengan berbagai perhiasan menarik menjelang persiapan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26 pada hari Selasa, 23 Februari ini.

Bendera kebangsaan berkibar megah di seluruh negara terutama di bangungan-bangunan komersial, kerajaan dan rumah-rumah persendirian sejak 7 Februari lalu yang menandakan semangat patriotisme di kalangan seluruh rakyat dan penduduk dalam sama-sama memeriahkan sambutan bagi tahun ini.

Bena-bena yang memaparkan kemajuan dan perkembangan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam didirikan di jalan-jalan raya utama sekitar ibu negara.

Sementara itu, kain-kain rentang yang memaparkan tema sambutan Hari Kebangsaan - 'Negaraku Brunei Darussalam' juga digantung di gedung-gedung membeli-belah yang mewarnai suasana meriah menjelang sambutan.

Sementara itu, berbagai persiapan rapi ke arah melicinkan lagi sambutan kini sudah berjalan ramai menerusi jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang dibentuk yang memainkan peranan masing-masing.

Acara kemuncak sambutan Hari Kebangsaan akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim menyempurnakan penyampaian sumbangan kewangan kepada wakil ahli masjid, surau dan balai ibadat yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks YSHHB. - Foto : Azmah Haji Ahad.

## Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah terima sumbangan BND25,276.46

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) telah menerima sumbangan sejumlah BND25,276.46 dari 12 pihak penyumbang di negara ini.

Sumbangan dana tersebut diterima oleh Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang di sini.

Di majlis tersebut, Jabatan Pendidikan Teknik yang diwakili oleh Pengaruhnya, Pengiran Suhami bin Pengiran Haji Bakar menyumbang sebanyak BND4,205 iaitu hasil kutipan daripada acara Walkaton yang diadakan pada pertengahan tahun lepas.

Majlis Perundingan Kampung Lumut II pula menyumbang sebanyak BND2,571.46 iaitu hasil kutipan daripada acara Walkaton kali kedua dan disampaikan oleh Ketua Kampung Lumut II, Awang Abdul Rahman bin Hashim.

Sementara itu, Success



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud menerima sumbangan derma berjumlah sebanyak BND2,571.46 dari Ketua Kampung Lumut II, Awang Abdul Rahman bin Hashim. - Foto : Ramli Tengah.

Alluminium Sendirian Berhad menyumbang sebanyak BND5,000 dan sebanyak BND2,000 masing-masing disumbangkan oleh Zimyang Enterprise Sendirian Berhad, Leu Enterprise Sendirian Berhad, General Mobile Autopart & Accessory Co., Binaan Tanah Jaya Sendirian Berhad dan Houson Sendirian Berhad.

Sebanyak BND1,000 lagi masing-masing disumbangkan oleh Borneo United Sendirian Berhad, Haska Interior Sendirian

Berhad dan Hasmit Electrical & Lighting Sendirian Berhad.

Di majlis tersebut, Processta Printing & Trading Co. turut memberi sumbangan mereka sebanyak BND500.

DANA sangat menghargai sokongan dan sumbangan daripada pihak penderma dalam sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di negara ini.

## Tiga masjid, dua balai ibadat terima sumbangan YSHHB

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Februari. - Tiga buah masjid dan dua buah balai ibadat di negara ini menerima sumbangan BND5,000 dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Majlis Di-kir Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini.

Tiga buah masjid itu terdiri dari Masjid YSHHB, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajar Saleha (Daerah Brunei dan Muara) dan Masjid Al-Mashor Kampung Sungai Mau (Daerah Belait).

Manakala dua buah balai ibadat berkenaan ialah Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh (Daerah Brunei dan Muara) dan Balai Ibadat Kampung Sibut (Daerah Temburong).

Hadir menyampaikan sumbangan itu ialah Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud pada majlis yang berlangsung di Kompleks

YSHHB, di sini.

Selain itu Yayasan juga menyumbangkan kelengkapan bagi penyempurnaan jenazah kepada enam buah masjid dan sebuah balai ibadat.

Kelengkapan itu masing-masing disumbangkan kepada Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri dan Masjid Kampung Kasat (Daerah Brunei dan Muara), Masjid Kampung Kiudang dan Masjid RPN Kampung Bukit Beruang

(Daerah Tutong), Masjid Al-Mashor Kampung Sungai Mau dan Balai Ibadat Kampung Melilas (Daerah Belait) dan Masjid RPN Kampung Rataie (Daerah Temburong).

Kesemua sumbangan tersebut masing-masing diterima oleh imam-imam masjid berkenaan.

Sumbangan itu selaras dengan salah satu tujuan penubuhan YSHHB dalam bidang keagamaan yang menghulurkan bantuan seperti kewangan, material dan sebagainya kepada masjid, surau dan balai ibadat.

## Kempen derma darah sempena Hari Polis Ke-89

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BERAKAS, Rabu, 10 Februari. - Para pegawai dan anggota polis Balai Polis Berakas mengadakan kempen menderma darah beramai-ramai sebagai projek kemasyarakatan sempena menyambut Hari Polis Ke-89 bertempat di Pos Polis Perpindahan Lambak Kanan, di sini.

Ketua Penyelia Simpanan Darah, Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Ibrahim bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyatakan, sebelum menderma darah, para penderma akan diperiksa dan ditanya beberapa soalan peribadi mengenai kesihatan mereka.

Katanya, antara penyakit-penyakit yang menyebabkan darah tidak sesuai untuk didermakan ialah Sindrom Penyakit Kurang Daya Tahanan (AIDS) atau

jangkitan HIV, Hepatitis, Siflis (Syphilis) dan Malaria.

Selepas menderma darah, para penderma dinasihatkan untuk minum banyak air dan tidak boleh melakukan kerja berat dalam masa 24 jam.



SEBAHAGIAN pegawai dan anggota polis Balai Polis Berakas mengadakan kempen menderma darah sempena menyambut Hari Polis Ke-89 di Pos Polis Perpindahan Lambak Kanan. - Foto : Ramli Tengah.

### NASIONAL

## Dua jururawat Kardiologi RIPAS ikuti Latihan di Hospital CMC

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Februari. - Dua orang jururawat dari Jabatan Kardiologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengikuti Latihan Lanjutan Jururawat Kardiak di Hospital CMC, Vellore, India.

Dayang Siti Sahriahwati binti Haji Mohd. Tanjong dan Dayang Rahmaswatee @ Rahinah binti Haji Abdul Rahim telah berlepas meninggalkan negara ini pada hari Rabu, 10 Februari lepas.

Sejurus sebelum berlepas, Majlis Doa Selamat bagi meraikan pemergian mereka berlangsung di Jabatan Kardiologi RIPAS dengan dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd. Jafar.

Ketika berucap, Ketua Kardiologi Hospital RIPAS, Dr. Haji Nazar Luqman menjelaskan Kementerian Kesihatan dan pentadbiran jururawat sentiasa memberi sokongan dalam usaha-usaha untuk memberikan latihan lanjutan bagi jururawat-jururawat kardiologi.

Dengan penghantaran dua lagi jururawat kardiologi ke India ini jelasnya, menjadikan satu lagi

Mereka katanya, digalakkan untuk menyertai bengkel-bengkel, seminar-seminar dan simposium-simposium yang diadakan dalam negeri, di samping digalakkan untuk menyertai mesyuarat-mesyuarat dan persidangan-persidangan serantau.

Menurutnya lagi jururawat-jururawat kardiologi sebelum ini dihantar bagi menjalani latihan, mesyuarat dan bengkel kardiologi di Melbourne Australia, Republik Singapura dan Malaysia.

Adalah diharapkan melalui program seumpama ini akan membawa kepada perkembangan kardiologi yang lebih baik di negara ini serta meningkatkan interaksi antara sistem kesihatan di Negara Brunei Darussalam dan India.



DUA orang jururawat dari Jabatan Kardiologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajar Saleha, Dayang Siti Sahriahwati dan Dayang Rahmaswatee @ Rahinah akan mengikuti Latihan Lanjutan Jururawat Kardiak di Hospital CMC, Vellore, India. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

## REMAJA

# Iktibar dari kejadian yang ada

**D**ALAM kehidupan kita ini adakalanya kita perlu merenungkan dengan ketajaman mata hati akan sesuatu kejadian yang ada di persekitaran kita, misalnya paling dekat batu yang sentiasa disirami air menghasilkan bekas dan berlubang. Sebiji batu yang keras jika selalu ditimpa atau sentiasa menerima titisan air meskipun hanya setitis demi setitis tetapi terjadi secara berterusan akan membuat sebiji batu yang keras tersebut menjadi berlubang. Kenyataan ini tidak dapat kita naikan, ia selalu kita amati dan perhatikan. Justeru itu ada kata-kata yang berbunyi 'Titisan air menimpa batu lambat laun akan menjadi lubang juga akhirnya'. Inilah juga falasafah yang sering kita dengar bila kita menerima nasihat dari orang tua-tua kitani. Ia merupakan dorongan dan rangsangan yang amat positif, untuk mendorong seseorang itu agar bergerak dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kemajuan dan mencipta kecemerlangan diri. Maksudnya agar kita sentiasa giat dan gigih berusaha, tidak mudah menyerah dan mengaku kalah dalam membina kehidupan ini. Meskipun sedikit perkembangan yang dicapai tetapi jika berterusan dan memiliki komitmen yang tinggi maka insya-Allah akan berhasil akhirnya.

## PENGAJARAN

Air yang lunak bahkan sangat lunak mampu menghasilkan lubang pada ketulan batu besar yang keras, inikan pula kita yang telah dikurniakan akal dan fikiran oleh Allah Subhanahu Wa'tala. Kuncinya ialah komitmen. Bagaimana kerasnya benda tertentu tetapi jika tidak ditimpakan ke batu maka batu tidak akan pecah.

Yang penting adalah tindakan. Sedikit demi sedikit asal terus dilakukan dengan penuh ketekunan, suatu saat hasilnya akan boleh di perolehi juga. Iktibarnya ialah kita mestи mengorak langkah, di saat kita mengharungi zaman yang penuh dengan cabaran untuk menuju tujuan matlamat hidup kita. Meskipun selangkah demi selangkah tetapi akan membawa kepada puncak tujuan, asalkan arah yang kita tempoh benar dan bermatlamat yang kukuh. Cuba sekarang kita bayangkan, bagaimana keadaan kita sepuluh tahun yang telah lalu, tahun yang sekarang hanya memahatkan sejarah dan akan terus kita tinggalkan meskipun ingatan kita tetap dekat kepadanya. Jika sepuluh tahun yang lalu kita adalah seorang yang pemalas, dan sekarang masih pemalas, maka sepuluh tahun ke depan jika kita tidak mahu berubah kita akan tetap jadi orang yang pemalas. Jika sepuluh tahun yang lalu kita adalah seorang pemarah dan panas baran dan sekarang masih juga dengan keadaan sikap seperti dahulu kita, maka sepuluh tahun mendatang jika kita tidak mahu berubah dan mengubah sikap kita, maka akan tetapnya kita menjadi orang yang pemarah. Jika sepuluh tahun yang lalu kita masih tidak mampu mencipta kecemerlangan diri, malahan asyik dengan sikap susah dan payah berubah nescaya pada tahun-tahun yang men-

OLEH : H. A MANAP

datang kitalah juga akan kekal menjadi orang yang akan payah diubah.

## BERUBAHLAH ...

Kerana itu kita perlu berubah dari saat ini. Kita tidak boleh melakukannya besok, atau lusa. Kerana besok mungkin akan ada sesuatu yang menghalang kita untuk berubah. Kita perlu meletakkan keyakinan diri bahwa kita boleh berubah. Meskipun sepayah dan serumit mana perubahan yang ingin kita lakukan, kita pasti akan mencapai hasilnya asalkan matlamat dan tujuan kita adalah kemas dan terarah.

Sebelum Dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Yuran Tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

penggunaan perisian komputer adalah satu kelebihan.

Bersedia untuk bekerja pada bila-bila masa dalam tempoh kajian dan dikawasan kajian yang peruntukan.

Hendaklah mempunyai kenderaan dan lesen memandu yang sah.

Hendaklah berumur diantara 18-40 tahun sahaja.

Berpengalaman dalam kerja-kerja kajian atau benci, adalah satu kelebihan terutama sekali benci/kajian yang dikehendaki oleh JPKE.

Tugas-tugas dan tanggungjawab:

a. Menghadiri taklimat dan latihan secara sepenuh masa sebelum membuat kerja-kerja luar.

b. Meninjau dan membuat kerja-kerja kajian di kawasan kajian yang dikehendaki.

c. Membuat kerja-kerja yang berkaitan kajian, mengikut masa dan waktu ditetapkan oleh pegawai Atasan.

d. Membantu dalam kerja-kerja memasukkan data kedalam sistem KPK2010.

e. Menerima apa jua arahan daripada pegawai Atasan yang berkaitan dengan kajian Perbelanjaan Keluarga 2010/11.

Permohonan adalah juga dibuka kepada pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau sektor swasta. Tertakluk kepada surat kebenaran Ketua Jabatan atau majikan masing-masing yang akan melibatkan membuat kerja-kerja kajian dalam waktu pejabata. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah di berikan kepada pemohon yang belum mempunyai sebarang pekerjaan.

Hanya pemohon yang terpilih sahaja akan dimaklumkan dan dipanggil untuk temuduga. Dan hanya pemohon-pemohon yang berjaya dalam temuduga akan dimaklumkan dan dipanggil untuk menghadiri taklimat dan latihan akan dilanjutkan selama 3 hari. Pemohon berjaya juga akan dilantik selama sebulan sebagai Pekerja Kajian tertakluk kepada prestasi kerja dan akan dibayar saguhati dan eluan perjalanan, mengikut kadar yang telah ditetapkan.



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

1. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Hari Sabtu 30 Januari 2010**. Sila layari website Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,  
Kementerian Kesihatan,  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan BB 3910  
Negara Brunei Darussalam

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Hari Selasa pada 24 Mac 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran



**UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN,  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI,  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
Bilangan Tawaran: JKD/UTP/1/2010**

Butir-Butir Tawaran:

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa bagi membersih dan memotong rumput di kawasan Perumahan, Barik dan juga padang permainan serta keliling pagar seluas 3 kaki dibahagian luarnya, kepunyaan Unit Tahanan dan Pemulihan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis "TAWARAN MEMBERSIH DAN MEMOTONG RUMPUT DI KAWASAN PERUMAHAN, BARIK DAN PADANG PERMAINAN SERTA KELILING PAGAR SELUAS 3 KAKI DI BAHAGIAN LUARNYA, KEPUNYAAN UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN," tanpa menunjukkan identiti penawar dan ditujukan kepada PENGARAH JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI (UP: KETUA PENGUSA, UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN), PETI SEBUTHARGA, UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN, JERUDONG BG3110.

**Tidak lewat dari pukul 2.00 petang, hari Rabu 24 Februari 2010.**

3. Setiap tawaran hendaklah ada menyatakan dan menyertakan:-

- 3.1 Salinan Sijil Pendaftaran perniagaan.
- 3.2 Keramaian pekerja.
- 3.3 Jenis perkakas dan alat-alat yang dimiliki.
- 3.4 Jenis kemudahan/kenderaan yang ada.

- 3.5 Pengubahan harga tawaran menggunakan 'blanco' adalah tidak diiktiraf sama sekali. Pengubahan hendaklah dibuat dengan cara memotong angka-angka yang tidak betul dan menuliskan angka yang betul di atasnya dan seterusnya menandatangani setiap pembetulan tersebut.

**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam**

**BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/JAN/014/2010**  
**TAJUK TAWARAN : SUPPLY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF 72.5KV DEAD TANK TYPE CIRCUIT BREAKER FOR LUMUT POWER STATION.**

**Tarikh Tutup: 2 Mac 2010, Hari Selasa 2.00 petang**  
Yuran Tawaran:B\$50.00 (tidak dikembalikan)

Tempat tutup : PETI TAWARAN  
Lembaga Tawaran Kecil

**ISNIN -KHAMIS**



**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SAMBUNGAN SENARAI D  
KURSUS DI PERINGKAT SIJIL KEJURUAN GRED 3 (NTC 3)**

BIL	NAMA KURSUS	KELAYAKAN MASUK	TEMPOH & CARA KURSUS	INSTI-TUSI
14.	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Heavy Construction Machinery Mechanics	1. Tamat Tingkatan 3. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang lulus peperiksaan PMB <b>Atau</b> 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. <b>Dan</b> 3. Lulus ujian bertulis dan temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	PLM
15.	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Vehicle Body Repair	1. Tamat Tingkatan 3. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang lulus peperiksaan PMB <b>Atau</b> 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. <b>Dan</b> 3. Lulus ujian bertulis dan temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	PLM
15.	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Vehicle Body Repair	1. Tamat Tingkatan 3. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang lulus peperiksaan PMB <b>Atau</b> 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. <b>Dan</b> 3. Lulus ujian bertulis dan temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	PLM
16.	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Apprenticeship Motor Vehicle Mechanic	1. Tamat Tingkatan 3. Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah satu kelebihan <b>Atau</b> 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. <b>Dan</b> 3. Lulus ujian bertulis dan temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	PLM
17.	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Crop Production	1. Tamat Tingkatan 3. <b>Atau</b> 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. <b>Dan</b> 3. Lulus ujian bertulis dan temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	SVW
18.	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Fish Husbandry	1. Tamat Tingkatan 3. <b>Atau</b> 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. <b>Dan</b> 3. Lulus ujian bertulis dan temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	SVW
19.	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Basic Food Processing	1. Tamat Tingkatan 3. <b>Atau</b> 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. <b>Dan</b> 3. Lulus ujian bertulis dan temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	SVW

**PERHATIAN:**

- Pemohon-pemohon yang mempunyai pekerjaan sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Swasta mestilah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam atau pihak yang berkenaan terlebih dahulu dan borang permohonan mestilah dihantar melalui Ketua Jabatan / Majikan masing-masing berserta dengan sokongan. Sebarang permohonan yang tidak melalui pihak tertentu tidak akan dilayan. **Pemohon mestilah sekurang-kurangnya 3 tahun dalam perkhidmatan.**
- Pemilihan adalah tertakluk kepada:-  
(i) Kelayakan dan kelulusan pemohon  
(ii) Lulus dalam rempahkan / ujian bagi kursus-kursus yang berkenaan  
(iii) Lulus temuduga.
- Borang permohonan dan keterangan lanjut boleh didapati melalui cara berikut:  
• Muat turun borang permohonan dengan melayari laman web rasmi Jabatan Pendidikan Teknik iaitu: <http://www.dte.edu.bn/>  
• Menghubungi institusi-institusi yang tersebut dibawah ini:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Jabatan Pendidikan Teknik  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
Gadong BE1310  
Nombor Telefon: 2425555

Pendaftar  
Sekolah Perdagangan (SP)  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
Gadong, BE1310  
Nombor Telefon: 2452113 ext 31, 2452106  
Fax: 2454941

Pendaftar  
Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB)  
Jalan Setia Negara, Kuala Belait KA1931  
Nombor Telefon: 3334573  
Fax: 3331360

Pendaftar  
Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam (SVNR)  
Km 13, Lebuhraya Muara-Tutong, Lambak Kanan  
Nombor Telefon: 2390429, 2390434 &  
2390435  
Fax: 2390423

Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Bangunan Pusat Sumber  
Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR)  
Simpang 125, Jalan Muara, BB2313  
Nombor Telefon: 2343551 & 2331077  
Fax: 2343207

Pendaftar  
Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah (SVSB)  
J16/17 Lorong Lima, Seria  
Kuala Belait, KB1533  
Nombor Telefon: 3228050 & 3228049  
Fax: 3228095

Pendaftar  
Pusat Latihan Mekanik (PLM)  
Kampung Tungku, Gadong  
P.O.Box 242 Gadong, BE3978  
Nombor Telefon: 2470124 & 2470906  
Fax: 2470907

Pendaftar  
Sekolah Vokasional Wasan (SVW)  
Kampong Wasan  
Nombor Telefon: 2683200 ext 250  
Fax: 2683200

- Borang permohonan berserta salinan sijil dan dokumen hendaklah dikembalikan ke Maktab / Sekolah yang berkenaan TIDAK LEWAT pada Hari Isnin, 1 Mac 2010, Jam 4.30 petang.** Borang yang diterima setelah tarikh tutup dan tidak lengkap tidak akan dilayan dan pihak Maktab / Sekolah tidak akan bertanggungjawab.
- Hanya pemohon-pemohon yang terpilih sahaja akan dimaklumkan melalui surat, laman web rasmi Jabatan Pendidikan Teknik iaitu: <http://www.dte.edu.bn/> dan papan kenyataan Maktab / Sekolah bagi tujuan temu duga.

**DI DALAM MAHKAMAH BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 125 TAHUN 2003**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**PG ANAK TAHIRUDDIN BIN PG ANAK SAI-FUDDIN**

**BYIC No. 00-041081**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **31 Oktober 2009**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**PG ANAK TAHIRUDDIN BIN PG ANAK SAI-FUDDIN**

No.48, Lot 18002, Simpang 139, Kampung Serusop,

Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam

Tarikh pemohonan : 9 September 2003

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN  
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **31 Oktober 2009**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **24 Februari 2010 jam 2.30 petang**.

Bertarikh : 24 Januari 2010

**DK HJH HANANI PG HJ METUSAIN**

Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO. 444 TAHUN 2008**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**HJ OTHMAN BIN HJ YUSOF**

**BYIC No.00-060757**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **29 Oktober 2009**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**HJ OTHMAN BIN HJ YUSOF**

No.5, Simpang 94-19-10, Kampung Pancha Delima,

Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam

Tarikh pemohonan : 13 Ogos 2009

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN  
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Oktober 2009**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **24 Februari 2010 jam 2.00 petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Februari 2009 jam 2.00 petang**.

Bertarikh : 24 Januari 2010

**DK HJH HANANI PG HJ METUSAIN**

Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO. 402 TAHUN 2009**

**PERSEKUTUAN GURU-GURU MELAYU BRUNEI**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**AWANG ZAFFERY BIN MASRAH**

**BYIC No.00-110442**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **29 Oktober 2009**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**AWANG ZAFFERY BIN MASRAH**

No.85, Simpang 625, Kampung Madewa, Jalan

Tutong BF1120, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh pemohonan : 17 Ogos 2009

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN  
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Oktober 2009**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **24 Februari 2010 jam 2.15 petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Februari 2010 jam 2.15 petang**.

Bertarikh : 24 Januari 2010

**DK HJH HANANI PG HJ METUSAIN**

Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO. 165 TAHUN 2008**

**STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**ANG GIAP WEE**

BGIC No.50-901288

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **3 September 2009**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**ANG GIAP WEE**

No.1 Chua Koh Flat, BT 2, Jalan Gadong BE3919, Negara Brunei Darussalam

Tarikh pemohonan : 4 November 2008

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN  
PERTAMA**



**DENGAN adanya tambahan bangunan-bangunan baru ini akan meningkatkan kualiti kemudahan bagi pelajar-pelajar di universiti-universiti berkenaan,”**  
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud.



SYARIKAT Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad merupakan antara pilihan utama penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri atas biasiswa.

## Pantau kehadiran anak-anak ke sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Ibu bapa disaran supaya mengambil perhatian terhadap kehadiran harian anak-anak mereka ke sekolah termasuk kehadiran di sebelah petang bagi menghadiri kelas tambahan atau *extra class*.

Seruan tersebut dibuat oleh Pengetua Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), Dayang Hajah Sipiah binti Haji Swal semasa menyampaikan kata aluan di Majlis Taklimat Program Akademik dan Syarat Kemasukan Penuntut ke Tingkatan Enam khusus bagi para ibu bapa penuntut Menengah Lima di sekolah berkenaan pagi tadi.

“Kerjasama dari ibu bapa untuk mengambil berat tentang kehadiran anak-anak adalah sangat-sangat diharapkan oleh pihak sekolah,” jelasnya dengan penuh harapan.

Menyentuh mengenai tujuan taklimat, Dayang Hajah Sipiah menjelaskan ianya adalah untuk memberikan penerangan kepada ibu bapa tentang syarat-syarat kemasukan penuntut ke Tingkatan Enam selepas menduduki peperiksaan BGCE peringkat ‘O’ dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.



**PENGETUA Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), Dayang Hajah Sipiah semasa di Majlis Taklimat Program Akademik dan Syarat Kemasukan Penuntut ke Tingkatan Enam khusus bagi para ibu bapa penuntut Menengah Lima di SM SMJA.**

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

“Ia juga adalah bagi meningkatkan tahap motivasi atau dorongan ibu bapa kepada anak-anak untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan BGCE peringkat ‘O’ dan meningkatkan peratus penuntut yang berjaya meneruskan pengajian ke Tingkatan Enam,” ujarnya.

Majlis sedemikian juga katanya diharap dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturahim antara ibu bapa/penjaga dan pihak sekolah serta memberi peluang kepada mereka mengetahui pencapaian akademik anak masing-masing selain memberikan kesempatan mengadakan perbincangan dengan para guru, pentadbir sekolah, kaunselor sekolah dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG).

Taklimat Syarat Kemasukan Penuntut ke Tingkatan Enam disampaikan oleh Ketua Guru Menengah Lima (Tahun 11), Dayang Hajah Norhasinah binti Haji Metussin yang menjelaskan lebih lanjut mengenai syarat-syarat kelayakan memasuki ke pengajian Tingkatan Enam Bawah (Kursus Peringkat Lanjutan).

Seramai 248 penuntut Menengah Lima di sekolah ini akan menduduki peperiksaan BGCE peringkat ‘O’ pada tahun ini.

Pada tahun 2006 jumlah penuntut yang telah berjaya meneruskan pengajian ke Tingkatan Enam adalah seramai 83 penuntut, 100 penuntut pada tahun 2007 dan seterusnya meningkat kepada seramai 117 penuntut pada tahun 2008.

Ini menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun dan dalam hubungan ini pihak sekolah penuh berharap terdapat peningkatan jumlah kemasukan penuntut SM SMJA ke Tingkatan Enam dalam keputusan BGCE peringkat ‘O’ pada tahun 2009.

**PENGETUA Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), Dayang Hajah Sipiah semasa di Majlis Taklimat Program Akademik dan Syarat Kemasukan Penuntut ke Tingkatan Enam khusus bagi para ibu bapa penuntut Menengah Lima di SM SMJA.**

## Skim dermasiswa kerajaan lahirkan pakar di pelbagai bidang

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Februari. - Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud berkata dasar dermasiswa kerajaan sejauh ini telah dapat melahirkan pakar-pakar perubatan, kejuruteraan, pendidikan dan sebagainya.

Justeru itu katanya, tidak dapat dinafikan Skim-skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan pelaburan yang tinggi bagi Negara Brunei Darussalam yang juga memerlukan pulangan yang tinggi dengan sumbangan berkhidmat semula terutama kepada perkembangan dan pembangunan negara.

Awang Haji Mohd. Daud berkata demikian semasa melancarkan Hari Terbuka Bahagian Biasiswa dan Institusi Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Terdahulu, beliau menyatakan dengan tertubuhnya empat institusi pengajian tinggi di negara ini, peluang untuk mengikuti pengajian tinggi tidak lagi terhad kepada penghantar

“Dengan adanya tambahan bangunan-bangunan baru ini akan meningkatkan kualiti kemudahan ba-

an pelajar-pelajar ke luar negeri sahaja.

Jelasnya, kerajaan telah membuat pelaburan yang tinggi di dalam meningkatkan prasarana pengajian tinggi melalui Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012.

Tambahnya, melalui pelaburan itu Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah diperuntukkan sebanyak BND65 juta bagi projek-projek tambahan bangunan-bangunan fakulti sains, institut perubatan, institut pendidikan, hal ehwal pelajar, perpustakaan, kompleks sukan dan dewan kuliah.

Manakala Institut Teknologi Brunei (ITB) jelasnya, diperuntukkan lebih BND30 juta untuk fasa ketiga pembinaan infrastrukturnya.

Ke arah itu ujarnya Kementerian Pendidikan sedang merancang pembinaan kampus kekal Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan diharapkan tambahan bangunan-bangunan dan prasarana itu nanti akan dapat mencapai salah satu lagi matlamat Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan kadar peratus kemasukan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dari 13 peratus kepada 30 peratus dalam masa terdekat ini.

Sementara itu katanya, para pelajar di universiti-universiti tempatan juga berpeluang untuk mengikuti beberapa program di luar negeri melalui *discovery year*, *twinning programmes*, *year abroad programme* dan *partnership programme* yang dikendalikan oleh pihak UBD, UNISSA dan ITB bersama universiti-universiti ternama di luar negara.

Hari Terbuka Bahagian Biasiswa dan Institusi Pengajian Tinggi itu merupakan wadah untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai secara telus mengenai biasiswa-biasiswa yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negeri.

Ia juga memberikan maklumat mengenai biasiswa-biasiswa yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan selain Kementerian Pendidikan seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan sebagainya.

Hari terbuka tahun ini melibatkan lebih 20 agensi terdiri dari institusi pengajian tinggi dan kolej tempatan selain beberapa agensi kerajaan dan swasta.

Pada masa yang sama hari terbuka dua hari itu juga memberi peluang kepada para pengunjung menyaksikan pameran-pameran dan berinteraksi secara langsung dengan agensi-agensi yang berkenaan selain dapat berbincang mengenai peluang-peluang bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan prospek pekerjaan setelah menamatkan pengajian nanti.

## Pembelajaran Lanjutan turut mempengaruhi keberkesanan pemberian rawatan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam semasa hadir melancarkan Ceramah Nursing Potpourri yang berlangsung di Dewan Theater, Kementerian Kewangan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Pembelajaran Lanjutan di dalam kejururawatan bukan saja merupakan satu elemen penting dalam mempromosikan kecekapan kemahiran, tetapi juga sebagai salah satu cara untuk memperkuatkan lagi piawaian dalam profesion kejururawatan.

Lebih penting daripada itu, pembelajaran lanjutan juga turut mempengaruhi

keberkesanan di dalam pemberian rawatan dan ke arah untuk memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.

Demikian dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin di Majlis Pelancaran Ceramah Nursing Potpourri bertempat di Dewan Theater, Kementerian Kewangan.

Beliau seterusnya berkata, *Nursing Potpourri* yang julung-julung kali ini merupakan sebagai satu langkah atau platform bagi menggalakkan pertukaran pendapat atau *critical thinking* di antara jururawat.

“Ianya bertujuan untuk memberikan galakan dan peluang kepada lepasan-lepasan jururawat dari universiti atau jururawat-jururawat yang telah

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

menjalani kursus-kursus tertentu untuk memperluhatkan kemahiran, pengetahuan dan kepimpinan mereka sebagai jururawat profesional,” jelasnya.

Ceramah *Nursing Potpourri* adalah satu usaha Unit Pendidikan Lanjutan Kejururawatan, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan dalam mendukung Wawasan 2035 Kementerian Kesihatan iaitu untuk mencapai kecemerlangan perkhidmatan, selain untuk perkembangan profesional yang berterusan serta pendekatan yang berdasarkan bukti.

Di antara objektif yang hendak dicapai melalui ceramah ialah untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan pelajaran yang berterusan supaya iaanya sejarah dengan peredaran ilmu di bidang kemahiran kejururawatan dan perbidanan yang terkini.

# Kuiz SMS dan Radio Piala Dunia FIFA 2010

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Salah sebuah syarikat pengedar kenderaan telah melancarkan sebuah lagi kereta keluaran syarikat luar negara sempena dengan Piala Dunia FIFA 2010.

Pelancaran kereta terbaru bersempena Kejohanan Piala Dunia FIFA di Industrial Beribi II di sini memberikan peluang untuk pelanggan-pelanggan menyertai dan memenangi hadiah eksklusif Kuiz SMS dan Radio.

Di samping itu, para pelanggan yang membeli kereta tersebut dalam masa promosi yang berjalan dari tarikh 1 Januari hingga 15 Jun 2010 juga berpeluang mengikuti undian.

Untuk Promosi Piala Dunia ini, terdapat dua undian eksklusif menarik yang diselenggarakan syarikat berkenaan dan undian pertama akan berlangsung pada 9 April



**PENYUMBANG** kepada hadiah promosi FIFA World Cup 2010 dari Syarikat Sin Hup Huat, BIBD At-Tamwil Berhad, Modasys Technology, Insurans Islam TAIB, B-mobile Telecommunication dan Setia Motors bersama melancarkan kereta model baru i20. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

2010, di mana seorang pelanggan bertuah berpeluang untuk memenangi wang tunai sejumlah BND5,000 dan seorang lagi pemenang bertuah juga akan memenangi percutian keluar negeri dengan penginapan hotel untuk dua orang ke des-

tinasi pilihan mereka yang meliputi Republik Singapura, Jakarta, Kuala Lumpur, Bangkok dan Manila.

Manakala undian terakhir pula akan diadakan pada 26 Jun 2010, di mana pemenang yang beruntung akan memenangi Grand

Prize dan hadiah-hadiah lainnya yang disumbangkan oleh syarikat-syarikat yang turut serta menaja promosi ini.

Jumlah keseluruhan hadiah-hadiah yang disediakan bagi Promosi Piala Dunia ini nanti ialah sebanyak BND48,000.

## Penuntut SMPHIM tingkat pengetahuan Mencegah Kebakaran



MUARA, Sabtu, 6 Februari. - Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (SMPHIM), Serasa buat kali pertama mengadakan Taklimat Mencegah Kebakaran di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Taklimat tersebut disampaikan oleh beberapa orang pegawai dari Unit Pendidikan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat diketuai Pemangku Penolong Pengguna, Pe-

**Berita dan Foto :**  
Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**PENUNTUT-PENUNTUT** Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam Serasa ketika mendengar taklimat Mencegah Kebakaran daripada Unit Pendidikan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat.

ngiran Zulaini bin Pengiran Haji Bakar.

Taklimat tersebut antara lain bertujuan bagi memberikan kesedaran kepada warga sekolah bahawa setiap kebakaran itu bermula dari api kecil, tetapi tanpa pengetahuan asas dan tinjakan awal untuk mema-

dam maka api akan menjadi besar dan seterusnya merebak.

Di samping itu taklimat tersebut juga dapat memberikan pengetahuan kepada warga sekolah mengenai aspek-aspek kebakaran, seperti cara-cara penggunaan alat-alat

pemadam api ringan, pemasangan tetap (*Fixed Installation*), pengosongan bangunan dan latihan kebakaran.

Taklimat itu juga dihadiri oleh Pengetua SMPHIM, Lim Siew King serta guru-guru sekolah tersebut.



**PENUNTUT** Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam mengadakan regangan tangan sebelum memulakan program kegiatan Touch Rugby.

## Sejumlah 19 pasukan sertai Kejohanan Futsal KHEU

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Februari. - Sejumlah 19 buah pasukan dari Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyertai Kejohanan Futsal di kalangan warga kementerian tersebut, bagi merebut piala pusring sumbangan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Md. Mahdi dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap, serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian.

Di antara tujuan kejohanan tersebut adalah sebagai salah satu aktiviti tahunan KHEU bagi menggalakkan warga kementerian bergiat aktif dalam bersukan, di samping bagi menjaga kesihatan tubuh badan dan kecerdasan fizikal mahu-pun mental.

Kejohanan sehari di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah itu dikendalikan oleh Jabatan Pentadbiran, Kementeri-

an Hal Ehwal Ugama dan dihadiri oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Md. Mahdi dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap, serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian.

Dalam pada itu juga melalui kejohanan tersebut akan dapat membentuk pasukan sebagai persiapan awal kementerian tersebut memilih pemain-pemain yang berbakat bagi mewakili kementerian di kejohanan antara kementerian-kementerian mahupun jemputan luar.

Melalui penyertaan

## PEMODA adakan Patriotic Ride

TUTONG, Khamis, 11 Februari. - Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA) akan mengadakan Patriotic Ride dan National Day Ride sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26.

*Patriotic Ride* dan *National Day Ride* yang akan diadakan pada 21 Februari 2010 itu bertujuan untuk meningkatkan lagi semangat patriotisme ahli-ahli persatuan tersebut.

Ahli-ahli PEMODA yang mengibarkan bende-

ra kecil di atas motosikal mereka akan mengelilingi kawasan-kawasan komersial dan di Bandar Seri Begawan.

Sementara itu pada 28 Februari 2010, ahli-ahli PEMODA juga akan mengadakan *Breakfast Ride* ke Daerah Tutong.

Acara tersebut bertujuan untuk menggalakkan ahli-ahli PEMODA, melancong di dalam negeri, di mana Daerah Tutong mempunyai tempat-tempat menarik seperti Taman Warisan Tasek Merimbun yang menjadi destinasi bagi para pelancong luar dan dalam negeri.

Yang Dipertua PEMODA, Awang Haji Maidin bin Momin berharap agar ahli-ahli PEMODA akan dapat menyertai acara tersebut untuk menunjukkan semangat patriotisme dan semangat kebangsaan yang tinggi.

Menurutnya, acara itu juga dapat menanam dan menimbulkan kesedaran di kalangan ahli-ahli PEMODA mengenai tanggungjawab mengibarkan bendera kebangsaan pada hari-hari kebesaran negara terutama sekali semasa Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

## SUKAN

### Program 'Touch Rugby' promosikan gaya hidup sihat

**Berita dan Foto :**  
Ak. Haji Mohd. Zulkarnaen Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Februari. - Dalam usaha meningkatkan lagi aktiviti kokurikulum, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) melancarkan Program Kegiatan 'Touch Rugby' di Kompleks Sukan SM SMJA.

Aktiviti yang bermula dengan senam-robiik itu dilancarkan oleh Pemangku Penolong Pengarah (Menengah), Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Gazala binti Abdullah.

Demonstrasi dan taklimat aktiviti 'Touch Rugby' pula disampaikan oleh pasukan Rugby dari Jabatan Belia dan Sukan.

Menurut Timbalan Pengetua SM SMJA, Pengiran Muhd. Noor Shah bin Pengiran Haji Muhammad yang juga selaku Penggerusi majlis, aktiviti 'Touch Ru-

gby' itu bertujuan untuk memberi peluang kepada penuntut-penuntut mengikuti aktiviti kokurikulum yang bukan sahaja memberikan semangat malah mendorong mereka menyertai salah satu aktiviti yang mempromosikan kegiatan gaya hidup sihat dan memupuk kerjasama.

'Touch Rugby' adalah salah satu sukan yang menggunakan tenaga fizikal sekeras-kerasnya berbanding dengan sukan ragbi yang menggunakan fizikal dan daya tahan yang kuat.

Bagaimanapun, konsep kerjasama dalam kumpulan (*teamwork*), dan peningkatan gaya hidup sihat boleh didapati dalam sukan 'Touch Rugby'.

Ciri-ciri yang positif yang boleh didapati dalam sukan tersebut juga boleh meningkatkan keyakinan diri, membentuk sikap berdikari, berganding bahu sesama teman, sikap pemedulian, sikap bertanggungjawab yang tinggi serta mengeratkan tali persaudaran.

# MENYEDIAKAN PERUBATAN ALTERNATIF

## 149 tamat Kursus Darusyifa' Warrafaah

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

JERUDONG, Ahad, 14 Februari. - Seramai 149 peserta yang menamatkan Kursus Darusyifa' Warrafaah (DSR) menerima pengijazahan mereka dalam satu majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan, BRIDEX, di sini.

Berkenan berangkat ke majlis tersebut Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Dipertua DSR, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Sri Raja Khatib Abu Hanifah.

Pada majlis itu YTM

berkenan mengurniakan Sijil Ijazah kepada para lepasan kursus.

YTM juga berkenan menerima sumbangan cek berjumlah BND100,000 yang disumbangkan oleh salah seorang penerima sijil, Pengiran Dr. Hajah Rahmah binti Pengiran Haji Jadid, yang kemudiannya diserahkan kepada Yang Dipertua DSR.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh ahli DSR, Awang Haji Ismail bin Haji Kassim.

Yang Dipertua DSR dalam sembah alu-aluannya antara lain berkata DSR

berazam untuk menyahut seruan ummah dan penduduk negeri yang memerlukan rawatan Islam dan kumpulan yang menyelidik dalam bidang perubatan Islam.

Selain dari itu katanya, DSR juga berazam menyahut seruan mereka yang memerlukan adanya kumpulan yang memelihara dan menegakkan akidah dalam bidang perubatan alternatif dan yang memerlukan adanya institusi yang mengeluarkan pakar-pakar perubatan Islam.

Upacara tradisi pengijazahan diteruskan dengan tasmik bacaan dan hafalan 10 Zikir Asas Pertama diketuai oleh Datin Hajah Maznah binti Mohammad disusuli dengan 10 Zikir Asas Kedua diketuai oleh

dul Rahman Ahmadjalani menerangkan mengenai latar belakang penubuhan pusat tersebut, fungsi dan peranannya.

Pusat Al-Islah yang dulunya dikenali Rumah Al-Islah telah ditubuhkan dengan rasminya di bawah Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 1 November 1987.

Pada 1 Februari 2008 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolqiah bersama para pelajar Tahun 8 dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SMYSHHB) berkenan berangkat mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Keberangkatan Yang Amat Mulia dijunjung oleh Pengarah BKN, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman.

Rombongan Yang Amat Mulia berserta pelajar lainnya yang diketuai oleh Awang Haji Samsul Muawan bin Haji Shodiq dari Unit Kaunseling, MIB dan Pembangunan Manusia SMYSHHB kemudian dijunjung menyaksikan pameran yang memaparkan bahan-bahan contoh dadah yang merbahaya berserta barang rampasan bagi kegunaan pedagang dadah.

Terdahulu sebelum me-

nyaksikan pameran yang terdapat di Galeri Info BKN, YAM berserta rombongan mendengarkan sembah taklimat mengenai peranan dan fungsi utama BKN, statistik dan trend dadah, perancangan jabatan dan kerjasama dalam negeri dan antarabangsa yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Dayang Wasulhana binti Haji Sudin.

BKN mula ditubuhkan pada 1 Oktober 1988 sebagai sebuah agensi kerajaan dan agensi penguat kuasa undang-undang yang bertanggungjawab melaksanakan peruntukan Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 bagi mengawal dadah berbahaya dan juga diberikan kuasa undang-undang di bawah Akta Racun Penggal 114, Perintah Darurat (Pengendalian Dadah) (Mendaftarkan Kembali Hasil) 1996.

Selain itu ia juga berperanan membantu dan meningkatkan kesedaran mengenai dasar negara terhadap penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhalalkan serta mewujudkan sebuah masyarakat yang bebas dari masalah penyalahgunaan dadah.

Sementara dalam sesi taklimat kedua mengenai Pusat Pemulihan Al-Islah yang disampaikan oleh Awang Ab-

berazam untuk menyahut seruan ummah dan penduduk negeri yang memerlukan rawatan Islam dan kumpulan yang menyelidik dalam bidang perubatan Islam.

Kursus Asas DSR merupakan projek pertama DSR di mana 163 orang ahli telah menamatkan kursus setelah mengikuti program 80 jam pembelajaran perubatan Islam.

Dari jumlah tersebut 14 orang telah menamatkan kursus dan telah menerima pengijazahan lebih awal.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Setelah itu YTM juga berkenan menyaksikan pameran kecil DSR yang antara lain mempamerkan gambar-gambar ketika perasmian penubuhan DSR.



**CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolqiah ketika berangkat mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Biro Kawalan Narkotik (BKN).**

yang digariskan dalam Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 dan Akta Bahan-Bahan Yang Mengkhayalkan, Penggal 161.

Selain dari kemasukan secara mandatori atas sabit kesalahan menggunakan dadah atau bahan-bahan yang mengkhayalkan dan atas Perintah Menteri, seorang itu juga boleh memohon untuk mengikuti rawatan dan pemulihan dalam pusat pemulihan secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

### Dari muka 1

"Usaha seperti itu, tidak diragukan lagi, boleh membantu menjelmakan kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat. Apa yang kita harapkan, produk-produk kampung ini akan meningkat menjadi produk-produk tempatan yang berskala besar, yang mendapat pasaran lebih meluas. Se mentara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan

pula, hendaklah bersedia untuk membantu," titah baginda.

Dalam menikmati kehidupan biasa baginda berharap supaya pihak-pihak yang berwajib tidak melupakan akan adanya kampung-kampung atau kawasan-kawasan yang diancam oleh aktiviti-aktiviti jenayah atau gejala sosial.

"Pihak-pihak berwajib janganlah memandang ringan perkara ini. Hari ini kita mungkin mengang-

gapnya kecil, tetapi jika sudah parah, kita susah membanterasnya," tegas baginda.

Dalam hubungan ini baginda menekankan kepada penduduk kampung-kampung atau kawasan-kawasan berserta penghulu, ketua kampung dan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Jawatankuasa Kejiranan Kampung supaya berganding bahu dengan pihak-pihak berwajib untuk mengambil tang-

gungjawab ini.

"Kita tidaklah mampu untuk membiarkan sebarang penjenayah atau pelaku gejala sosial menggunakan negara ini sebagai markas atau pangkalan mereka. Kerana kita sangat memahami, bahwa jenayah dan gejala sosial itu cukup mengganggu pembangunan dan keseleraan. Kita tidak mahu pembangunan kita tergugat serta keseleraan terganggu," titah baginda.



YANG Amat Mulia bersama pelajar Tahun 8 dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bergambar ramai sempena Lawatan Sambil Belajar ke BKN.

# 'NEGARAKU BRUNEI DARUSSALAM'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیق اوله جباتن ڈرچیتھن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

